

## BAB LIMA

### PERBINCANGAN KAJIAN

#### 5.0 Pendahuluan

Dapatan kajian dalam bab yang terdahulu telah memberikan kita gambaran umum tentang keagungan kedudukan *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn* dalam usaha Al-Imām Al-Nawawī membangunkan insan. Secara dasarnya, perbincangan paradigma beliau dalam pembangunan insan meliputi dua aspek utama iaitu aspek metodologi penyampaian dan aspek pengisian pembangunan itu sendiri. Kedua-dua aspek ini telah dapat digunakan oleh beliau dengan jayanya sehingga mampu menjadikan kitab beliau begitu menarik dan diterima dalam dunia Islam secara keseluruhannya.

#### 5.1 Kebaikan Metodologi Al-Imām Al-Nawawī

Metodologi yang digunakan oleh Al-Imām Al-Nawawī di dalam *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn* mempunyai keistimewaan dan kebaikan yang melambangkan ketokohan beliau dalam membangun dan mendidik umat Islam kepada jalan yang lurus.

Pemilihan tajuk *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn*, menunjukkan bahawa beliau seorang yang sangat pakar dalam bahasa Arab dan sangat menghayati isi kandungan yang beliau sampaikan sehingga mampu memilih tajuk kitab yang begitu sesuai dengan isi kandungannya.

Keistimewaan metodologi beliau dapat dilihat kepada dua aspek yang utama iaitu penghujahan yang meyakinkan pembaca dan audien serta penyusunan yang praktikal.

Beliau dapat meyakinkan pembaca dan audien dengan menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai kerangka rujukan mutlak utama penyusunan Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn ini. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber utama keilmuan dan perundangan dalam Islam yang paling berautoriti berbanding dengan sumber-sumber lain termasuk akal (Abdul Wahab Khilaf, 1947; Ibnu Khalil, 1998; Al-Zuhaili, 1996). Berdasarkan kepada kedua-dua sumber ini, Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn disusun oleh beliau tanpa banyak penghuraian daripada sumber yang lainnya. Penghuraian yang dilakukan oleh beliau banyak berkisar kepada maksud hadith (lihat Jadual 2, hal: 44). Di samping itu, penghuraian lanjut serba sedikit dinyatakan pada bahagian-bahagian tertentu seperti cara solat jenazah dan enam mengumpat yang dibolehkan apabila dirasakan perlu (Al-Nawawi, 1983: 425, 601).

Susunan yang praktikal pula membolehkan keberkesanan pendidikan dan pembangunan insan dilakukan oleh beliau kepada audiennya. Beliau mampu melihat keutamaan satu-satu sudut pembangunan insan daripada yang lainnya, iaitu dengan membahaskan dahulu perkara yang sepatutnya didahulukan dan mengkemudiankan sesuatu yang sepatutnya dikemudiankan.

### **5.1.1 Pengertian Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn**

Al-Imām Al-Nawawi telah memilih Riyāḍ al-Šolihīn sebagai nama bagi kitab beliau ini. Pengkaji mendapati bahawa nama yang dipilih oleh beliau ini begitu sesuai untuk digunakan sebagai tajuk kitabnya kerana tajuk ini sendiri telah menggambarkan isi kandungan pembangunan insan yang hendak disampaikan oleh beliau.

Riyāḍ al-Šolihīn merupakan dua kalimah Bahasa Arab yang memberikan dua pengertian. Pertama ialah sebagai kata nama khusus yang dijamakkan daripada perkataan *rauḍah* yang bermaksud ‘taman-taman dan kebun-kebun’ (Al-Marbawi,

1354H, 256/1) atau menurut Qāmūs Fākihah al-Bustān (1930: 574) pula bermaksud kawasan yang mempunyai pokok-pokok renek dan berumput yang terdapat di dalamnya kolam air untuk menyuburkan kawasan tersebut, malah tidaklah boleh dinamakan ‘raudah’ melainkan mesti mempunyai kawasan tадahan air dalam kawasan tersebut atau kawasan yang berdekatan. Ini membawa maksud bahawa kawasan tersebut merupakan kawasan yang subur dengan tanaman kerana terdapat padanya atau di persekitarannya sumber air. Seolah-olah Al-Imām Al-Nawawi mahu menjelaskan bahawa Kitāb Riyād al-Šolihin juga merupakan tempat yang subur untuk mereka yang mahu membangunkan diri mereka.

Penggunaan *riyad* atau kebun sebagai tempat menggali pengetahuan atau program-program pembangunan insan juga pernah digunakan oleh Rasulullah s.a.w sebagaimana sabdanya,

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا مَرَرْتُمْ بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ فَارْتَعُوا قَالُوا وَمَا رِيَاضُ الْجَنَّةِ قَالَ حِلَقُ الذِّكْرِ

Ertinya, “Daripada Anas bin Malik r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Apabila kamu berjalan di kebun-kebun syurga, hendaklah kamu merasai kenikmatannya.” Sahabat-sahabat bertanya, “Apa dia kebun-kebun syurga itu?” Sabda Rasulullah s.a.w program-program zikir (mengingati Allah S.W.T).” (Riwayat Tarmidzi)

Kesimpulannya, program-program yang ada mengingati Allah S.W.T dan program-program yang membentuk insan kepada mendekati Allah S.W.T dianggap oleh Rasulullah s.a.w seolah-olah seperti kebun yang subur dan boleh dinikmati oleh mereka yang mengambil bahagian. Justeru, penggunaan perkataan *riyad* oleh Al-Imām Al-Nawawi bertepatan dengan isi pembangunan insan yang dibincangkan kerana semua perkara pembangunan insan yang dibahaskan oleh beliau adalah membawa insan ke arah

mendekati Allah S.W.T melalui pembentukan insan yang soleh dan kamil jika mereka dapat mempelajari dan menghayati segala yang beliau sampaikan.

Pengertian kedua *riyad* pula ialah kata nama terbitan yang diambil daripada perkataan kata kerja iaitu, (رِيَاضَةُ - رِيَاضَةُ - رِيَاضَةُ - رِيَاضَةُ) yang bererti melatih atau menjadikannya dikuasai dan mengikut arahan. Daripada sumber perkataan yang sama, terbit perkataan *riyadah* iaitu nama terbitan yang biasa digunakan seperti pergi beriadah. Perkataan *riyadah* dalam bahasa Arab (Al-Marbawi, 1354H: 256/1) bermaksud, menukar kelakuan yang tercela dengan perangai yang lebih baik atau membaikkan perangai diri. Manakala dalam Qāmūs Kitāb Muhiṭ al-Muhiṭ (Butras al-Bustāni, t.t.: 838/1) menyatakan pengertiannya sebagai menggantikan keadaan yang tercela kepada keadaan yang terpuji, menghindarkan diri dari keinginan syahwat, membiasakan solat, puasa serta pemeliharaan diri pada waktu malam dan siang supaya terhindar daripada berbuat dosa dan perkara cela, mengelakkan diri daripada banyak tidur dan menjauhkan diri daripada percampuran masyarakat yang rosak serta melatih akhlak-akhlak terpuji dalam diri. Jelas berdasarkan definisi kedua ini, perkataan Riyadh al-Solihin atau *riyadah* adalah merangkumi makna pentarbiyan diri dalam menanam sifat-sifat yang terpuji dan menghilangkan sifat-sifat yang terkeji. Kesimpulannya, pengertian Riyadh al-Solihin ini dengan sendirinya menggambarkan isi pembangunan insan sebagaimana yang dibicarakan oleh beliau dalam kitab tersebut.

Manakala perkataan *solihiñ* pula adalah kata jamak daripada *soliḥ* yang merupakan *Ism al-Fā'il* daripada kata kerja *solaha* yang bermakna baik, tidak jahat dan elok (Butras al-Bustani, t.t. 838/1). Apabila menjadi *isim fā'il* dan merujuk pula kepada manusia, ia bermakna orang yang baik, yang tidak jahat, yang elok dan yang soleh. Oleh itu, perkataan *solihiñ* dalam bentuk jamaknya bermakna orang-orang yang baik, yang tidak jahat, yang elok dan yang solih.

Kesimpulannya, perkataan *Riyāḍ al-Ṣolihīn* ini bermaksud taman-taman bagi para solihin atau pentarbiyahan diri dalam usaha menanam sifat-sifat yang terpuji dan menghilangkan sifat-sifat terkeji bagi para solihin iaitu orang-orang yang baik. Kedua-dua pengertian Riyadhu al-Solihin telah dapat menggambarkan isi kandungan Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn itu sendiri.

### 5.1.2 Penggunaan Al-Quran sebagai rujukan

Al-Quran dari segi bahasa Arab diambil daripada kata nama terbitan (Ibnu Manzur, 1990: 128/1) yang bermakna ‘bacaan’. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Qiamah,

نَذَا قَرَأْنَاهُ فَأَلِيَّنَفْرَأَنَهُ

Ertinya, “Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu;” (al-Qiamah: 18, Abdullah Basmeih, 1999: 1601)

Al-Quran di kalangan ahli syariah sebagai kalam yang ditulis di dalam mashaf. Manakala di kalangan ahli kalam pula ialah kalam Allah S.W.T sendiri yang bersifat azali (al-Kabisi, 1975 :33).

Sumber pertama yang digunakan oleh Al-Imām Al-Nawawī dalam membentangkan setiap topik pembangunan insan ialah dengan membawakan ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan topik perbincangan beliau pada awal bab. Jumlah potongan ayat yang dibawakan oleh beliau adalah sebanyak 440 potongan ayat (lihat Jadual 2, hal: 44). Metodologi beliau ini memberikan beberapa implikasi yang mendalam kepada audien.

Implikasi yang pertama ialah, ayat-ayat Al-Quran memberikan kesan keyakinan yang mendalam terhadap segala hasil penulisan dan penyampaian yang akan diutarakan selepas pembentangan ayat tersebut. Malah Al-Quran itu sendiri merupakan sumber

yang tidak boleh diragukan lagi kebenarannya daripada Allah S.W.T sebagai pertunjuk kepada umat manusia dalam membangunkan diri mereka untuk keselamatan di dunia dan di Akhirat. Penegasan ini sebagaimana firman Allah S.W.T sendiri di permulaan surah al-Baqarah:

الْمِنْ. ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَبَّ فِيهِ مُدَّى لِلْمُتَّقِينَ

Ertinya, “Alif, Lam, Mim. Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah S.W.T dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.” (al-Baqarah: 1-2, Abdullah Basmeih, 1999: 8)

Implikasi yang kedua pula ialah Al-Quran mampu melembutkan jiwa dan hati para pembaca serta pendengarnya. Proses pembangunan insan yang hendak diterapkan akan menjadi lebih mudah apabila jiwa dan hati seseorang itu telah dilembutkan dengan ayat-ayat Allah S.W.T. Bukti Al-Quran mampu memberikan kesan kepada jiwa dan hati manusia telah dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam surat al-Zumar:

اللَّهُ أَنْزَلَ أَخْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُّتَشَابِهًـا مَّثَانِيٌّ تَقْتَشِيرٌ مِّنْهُ جَلُودُ الَّذِينَ يَخْتَرُونَ رَأْسُهُمْ ثُمَّ ئَلْيَـنْ  
جَلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ...

Ertinya, “Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah S.W.T” (Al-Zumar: 23, Abdullah Basmeih, 1999: 1226)

Kemampuan Al-Quran untuk melembutkan hati manusia terbukti dalam sejarah umat Islam, antaranya ialah peristiwa pengislamahan Umar r.a. yang merupakan salah seorang musyrikin yang paling kuat menentang Islam. Namun, dengan kehendak Allah S.W.T, hati yang begitu keras itu dapat dilembutkan untuk menerima Islam setelah

membaca Al-Quran surah Tāhā ayat 1-14 (Al-Mabarkafuri, 1994: 103; Al-Nadwi, 1983: 113).

Implikasi yang ketiga ialah, Allah S.W.T menegaskan di dalam kitabNya, bahawa Al-Quran itu merupakan cahaya yang boleh memberikan cahaya hidayah kepada manusia. Melalui cahaya hidayah itu, manusia boleh kembali kepada Allah S.W.T dan tanpanya manusia akan tersesat. Cahaya hidayah itu boleh diperolehi daripada kitabNya itu. FirmanNya di dalam surah al-Nur telah memberikan perumpamaan cahaya Al-Quran itu,

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مَثَلُ نُورِهِ كَبِيشَكَاهُ فِيهَا مِصْبَاحٌ، الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ، الزُّجَاجَةُ  
كَاهْنَاهُ كَوْكَبٌ دُرْدِيْ بُونَدٌ مِنْ شَجَرَةٍ مَبَارَكَهُ زَيْتُونَهُ لَا شَرْقَيَهُ وَلَا غَرْبَيَهُ بِكَادُ زَيْتَهَا يُضِيَّ، وَلَوْلَمْ  
عَنْسَتَهُ كَارَ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ يُنَورُهُ مِنْ يَمْنَاءٍ...

Ertinya, "Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu.." (al-Nur: 35, Abdullah Basmeih, 1999: 901-902)

Jelaslah bahawa penggunaan Al-Quran oleh Al-Imām Al-Nawawi adalah satu metodologi yang baik dan menjadikan penyampaian beliau lebih berkesan. Hal ini disebabkan, metodologi ini memberikan keyakinan kepada hati dan jiwa juga mendorong dan melembutkan keduanya. Seterusnya, memudahkan lagi proses pembangunan insan dari segi rohani dan jiwa kerana di dalam Al-Quran itu sendiri mempunyai cahaya yang memberikan hidayah dan pertunjuk kepada umat manusia bagi menuju ke jalan keselamatan di dunia dan di Akhirat.

### 5.1.3 Penggunaan Sunnah atau Hadith sebagai rujukan

#### 5.1.3.1 Definisi Sunnah dan Hadith dan pembahagiannya

Pengertian sunnah dari segi bahasa adalah berasal daripada perkataan (سنن) yang bererti perjalanan yang baik atau pun yang buruk (Ibnu Manzur, 1990: 225/13). Rasulullah s.a.w ada menggunakan perkataan ini bagi menggambarkan perjalanan yang baik dan perjalanan yang buruk sebagaimana hadith (Muhammad 'Ajaj, 1981: 17),

قالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ مِنْ سَنَنِ سَيِّئَاتِ فَعَمِلَ بِهَا كَانَ لَهُ أَخْرَهُمَا وَمِثْلُ أَخْرَى مِنْ عَيْلٍ بِهَا لَا يَتَقْصُّ مِنْ أَهْوَاهِهِمْ شَيْئاً وَمِنْ سَنَنِ سَيِّئَاتِ فَعَمِلَ بِهَا كَانَ عَلَيْهِ رِزْرَهُمَا وَوِزْرُهُمَا وَمِنْ عَيْلٍ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ لَا يَتَقْصُّ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْئاً

Ertinya, "Rasulullah s.a.w telah bersabda: Barangsiapa merintis jalan yang baik dan diikuti jalan itu (oleh orang lain), maka baginya (perintis itu) pahala dan pahala seumpama orang yang mengikutnya, tidak kurang sedikitpun daripada pahala-pahala. (Begini) juga sesiapa merintis jalan kejayaan dan diikuti jalan itu (oleh orang lain), maka baginya (perintis) dosa dan dosa seumpama orang yang mengikutnya, tidak kurang sedikitpun daripada dosa-dosa." (Riwayat Muslim, Mausū'ah al-Hadīth al-Sharīf, 1991-1996)


Manakala, pengertian sunnah dari segi syarak pula secara umum bermaksud segala sesuatu yang diperintahkan, dilarang atau dianjurkan oleh nabi s.a.w. baik yang berbentuk sabda maupun perbuatan (Muhammad 'Ajaj, 1981: 18). Namun begitu, pengertian sunnah berbeza mengikut pandangan ulama usul, fikh dan hadith. Bagi ulama usul, sunnah bermaksud segala sesuatu dari Rasulullah s.a.w yang bukan Al-Quran Al-Karim, sama ada dalam bentuk sabdaan, perbuatan atau taqrir (diam nabi) yang boleh menjadi dalil kepada pembentukan hukum syariah. Sedangkan makna sunnah bagi ulama fiqh pula ialah segala sesuatu dari nabi s.a.w yang menunjukkan ketentuan syarak. Manakala, sunnah mengikut ahli hadith pula merupakan segala sesuatu daripada Rasulullah s.a.w yang berupa sabdaan, perbuatan, taqrir, sifat bentuk rupa tubuh badan,

akhlak mahupun perjalanan hidup sama ada sebelum baginda dibangkitkan menjadi Rasul seperti berkhawlāt di Gua Hirak atau selepas dibangkitkan (Muhammad 'Ajaj, 1981: 19).

Hadith pula dari segi bahasa bererti baharu dan perkhabaran yang jamaknya adalah '*aḥādīth*' (أحاديث) yang bersalahan qias jamaknya (Ibnu Manzur, 1990: 133/2).

Daripada segi istilah pula bererti, apa yang disandarkan kepada nabi s.a.w yang berupa sabdaan, perbuatan, taqrir atau sifat (Muhammad Jamal Al-Din, 1993: 61). Definisi istilah ini pada umumnya sama makna dengan sunnah dari segi istilah syarak seperti di atas. Oleh itu, bagi pengkaji dalam kajian ini akan menggunakan pengertian yang sama antara keduanya.

**CARTA 1: PENGGUNAAN HADITH DALAM KITĀB RIYĀD AL-  
ṢOLĪHĪN**



Sumber kedua dan utama dalam metodologi penyampaian Al-Imām Al-Nawawi di dalam Kitāb Riyād al-Ṣolīhīn ialah penggunaan hadith di dalam penghujahan. Beliau sendiri telah menyatakan dalam mukaddimahnya, "...sebaik-baik jalan golongan terpilih, ahli fikir dan ahli peneliti ialah dengan memilih jalan latihan pembentukan akhlak dan adab sopan daripada nabi s.a.w..." (Al-Nawawi, 1983: 55). Justeru,

sebahagian besar Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn ini terkandung petikan hadith-hadith nabi yang semuanya berjumlah 1896 petikan hadith (Jadual 2, hal.: 44).

Hasil analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa daripada 1896 petikan hadith yang digunakan oleh Al-Imām Al-Nawawī, 85.6% daripadanya merupakan Ḥadīth Ṣaḥīḥ. Bakinya pula terdiri daripada Ḥadīth Ḥasan Ṣaḥīḥ (5.7%), Ḥadīth Ḥasan (7.7%) dan Ḥadīth ḍa’if (0.9%) (lihat Carta 1 dan data berdasarkan Jadual 3, hal.: 45).

### 5.1.3.1.1 Ḥadīth Ṣaḥīḥ

Penekanan Al-Imām Al-Nawawī dalam penggunaan sunnah atau hadith adalah dari segi kesahihannya. Penekanan ini telah beliau sebutkan dalam mukaddimahnya, “...aku berpandangan ingin untuk mengumpulkan ringkasan hadith-hadith yang sahih...” (Al-Nawawi, 1983: 55) Metodologi ini merupakan faktor terpenting yang membolehkan Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn diterima pakai oleh umat Islam di seluruh dunia (Pauzi bin Haji Awang, 1990: 17). Ini kerana penggunaan hadith-hadith sahih memberikan keyakinan yang mendalam terhadap penyampaiannya.

Ḥadīth Ṣaḥīḥ menurut definisi Amr Ibnu Al-Salah ialah hadith yang musnad yang sanadnya berhubung melalui periwayatan orang yang *‘ādil*<sup>1</sup> lagi *dābit*<sup>2</sup> daripada orang yang *‘ādil* lagi *dābit* pula sampai ke ujungnya, tidak terdapat *shāz*<sup>3</sup> dan tidak terdapat *mu‘allal* atau kecacatan. Al-Imām Al-Nawawī sendiri telah meringkaskan definisi Ibnu Al-Salah dengan menyatakan bahawa Ḥadīth Ṣaḥīḥ sebagai hadith yang

<sup>1</sup> ‘Ādil bermaksud orang lurus agamanya, baik pekerjanya dan bebas dari kesiasihan dan hal-hal yang menjatuhkan keperwarakaninya.

<sup>2</sup> Dābit bermaksud orang yang benar-benar seder ketika menerima hadith, saham ketika mendengarnya dan menghafalnya sejak menerima sempai menyampaikannya dengan penjagaan tulisannya dari perubahan, penggantian atau penambahan dan terpelihara daripada lupa.

<sup>3</sup> Shāz bermaksud penyimpangan perawi thiqa terhadap orang yang lebih kuat daripadanya.

berhubung sanadnya melalui periyawatan orang-orang yang *‘ādil* lagi *dābiṭ* tanpa ada *shāz* dan *‘illat* atau kecacatan (Muhammad ‘Ajaj Al-Khatib, 1981: 304-305). Mahmud Tahhan (1983: 34) pula mendefinisikan Ḥadīth Ṣaḥīḥ sebagai hadith yang berhubung sanadnya dengan periyawatan yang *‘ādil*, *dābiṭ* daripada orang yang juga *‘ādil* dan *dābiṭ* sehingga ke akhirnya tanpa ada *shāz* dan *‘illat*.

Justeru, Ḥadīth Ṣaḥīḥ mestalah mempunyai lima ciri utama iaitu pertama, sanadnya mestalah berhubung. Kedua, perawi-perawi mestalah *‘ādil*. Ketiga, perawi-perawi mestalah *dābiṭ*. Keempat, hadith yang diriyayatkan tidak *shāz*. Kelima, hadith yang diriyayatkan terhindar daripada *‘illat* (Mahmud Tahhan, 1983: 34-35).

Ḥadīth Ṣaḥīḥ telah dipersetujui ulama hadith terbahagi kepada dua jenis iaitu Ṣaḥīḥ li Dzātihi (صحیح ذاتی) dan Ṣaḥīḥ li Ghairihi (صحیح غیری). Ḥadīth Ṣaḥīḥ li Dzātihi adalah Ḥadīth Ṣaḥīḥ yang memenuhi lima syarat yang atas. Sedangkan, Ṣaḥīḥ li Ghairihi, ialah hadith yang dijadikan sahih kerana sokongan hadith yang lain. Apabila tidak sempurna penerimaan lima syarat Ḥadīth Ṣaḥīḥ di atas seperti hadith yang diriyayatkan oleh seorang yang kurang *dābiṭ* dalam satu jalur sanad dan hadith yang sama pula diriyayatkan oleh seorang yang kurang *dābiṭ* di dalam jalur sanad yang lain pula pada peringkat yang sama. Maka, dengan sendirinya hadith tersebut jadi sahih (Muhammad Jamal Al-Din, 1993: 82).

Selain itu, Ḥadīth Ṣaḥīḥ yang dimudahkan pemahamannya menurut Al-Imām Al-Nawawī ialah merujuk kepada tujuh kedudukan hadith sahih seperti berikut, pertama hadith yang disepakati oleh Al-Imām Al-Bukhārī dan Muslim. Kedua, hadith yang diriyayatkan secara bersendirian oleh Al-Imām Al-Bukhārī. Ketiga, hadith yang diriyayatkan secara bersendirian oleh Imām Muslim. Keempat, semua hadith yang dikeluarkan mengikut syarat Sahih kedua-dua imam tersebut. Kelima, hadith yang dikeluarkan mengikut syarat Sahih Al-Imām Al-Bukhārī. Keenam, hadith yang

dikeluarkan mengikut syarat Sahih Imām Muslim. Ketujuh, semua hadith yang diakui Sahih oleh ulama-ulama hadith selain Al-Imām Al-Bukhārī dan Muslim. (Muhammad Jamal Al-Din, 1993: 83).

**JADUAL 7: JUMLAH HADITH YANG DIRIWAYATKAN OLEH PERAWI HADITH DALAM KITĀB RIYĀD AL-ŠOLIHĪN**

Pera wi	Rwatal Bukhar dan Muslim (B.M.)	Rwatal Bukhar sahaja (B.)	Rwatal Muslim Sahaja (M.)	Rwatal Dāwud (D.)	Rwatal Tarmidzi (T.)	Rwatal Nasā'i (N.)	Rwatal Hakim (H.)	Rwatal Imām Malik (MK.)	Rwatal Imām lain (OII)
Jumlah Riwayat	774	212	511	214	274	14	10	3	7

Pengkaji mendapati Al-Imām Al-Nawawi telah meriwayatkan segala hadith di dalam Kitāb Riyād al-Šolihiñ bersandarkan kepada tujuh martabat hadith sahih di atas. Jadual 7 menunjukkan bahawa daripada 1896 petikan hadith di dalam kitab tersebut, 774 petikan hadith adalah diriwayatkan oleh Imām Bukhārī dan Imām Muslim secara bersama, 212 petikan hadith pula hanya diriwayatkan oleh Al-Imām Al-Bukhārī dan 511 petikan hadith pula hanya diriwayatkan oleh Imām Muslim. Baki petikan hadith pula diriwayatkan oleh Imām Dāwud (214), Imām Tarmidzi (274), Imām Nasā'i (14), Imām Hakim (10), Imām Malik (3) dan lain-lain imam (7) (lihat Jadual 7 dan data dari Jadual 4, hal: 46). Berdasarkan tujuh jenis martabat hadith Sahih ini beliau memperakukan bahawa secara umumnya hadith-hadith di dalam Kitāb Riyād al-Šolihiñ sebagai Sahih (dan sebahagian kecil pula ialah Ḥadīth Ḫasan Ṣaḥīḥ dan Ḥadīth Ḫasan). Namun begitu panduan penentuan hadith Sahih ini kadangkala tidak dipersekutui oleh ulama yang lain seperti Ahmad Ratib Hamus, pentahkik Kitāb Riyād al-Šolihiñ.

#### 5.1.3.1.2 Ḥadīth Ḫasan

Penggunaan Ḥadīth Ḫasan Ṣaḥīḥ dan Ḥadīth Ḫasan oleh Al-Imām Al-Nawawi di dalam Kitāb Riyād al-Šolihiñ lebih kepada meraikan Imām Tarmidzi yang memperkenalkannya dalam bidang hadith. Beliau menjelaskan bahawa kitab yang disusun oleh Imām Tarmidzi merupakan punca pengenalan kepada Ḥadīth Ḫasan.

Pernyataan ini disokong oleh Al-Imām Taqiyuddin ibn Taimiyyah yang menjelaskan orang pertama yang membahagikan hadith kepada Ṣahīḥ, Ḥasan dan Da'

فِي الْحَدِيثِ

ialah Abū 'Isā Al-Tarmidzī. Sebelum itu, pembahagian hadith oleh ulama-ulama hadith hanyalah terbahagi kepada dua jenis sahaja iaitu Ṣahīḥ dan Da'

فِي الْحَدِيثِ

. Manakala ḥadīth Da' pula telah dikategorikan oleh mereka kepada dua iaitu, Da' yang masih boleh beramal dengannya yang sebenarnya menyerupai ḥadīth Ḥasan seperti yang diperkenalkan oleh Tarmidzī dan Da' yang mewajibkan tidak beramal dengannya (Muhammad Jamal Al-Din, 1993: 106).

Hadīth Ḥasan mengikut Imām Tarmidzī dan ulama-ulama selepasnya ialah hadith yang berhubung sanadnya yang diriwayatkan oleh perawi yang *'ādil* yang lebih rendah keđhabitannya tanpa *shāz* dan tanpa *'illat*. Terbahagi kepada dua iaitu Ḥasan li Dzātihi (حسن بذاته) yang definisi seperti ḥadīth Ḥasan dan Ḥasan Li Ghairihi (حسن بغيره). ḥadīth Ḥasan li Ghairihi ialah hadith yang di dalamnya terdapat orang yang belum thabit keahliannya, tetapi bukanlah perawi yang pelupa atau sering melakukan kesalahan dalam riwayat-riwayatnya, bukan dikenal sebagai pembohong dalam hadith juga bukan kerana sebab lain yang dapat menyebabkan ia tergolong orang yang *fāsiq*, dengan syarat mendapat pengukuhan dari perawi lain yang muktabar, samada berstatus *mutabi'* atau *shāhid*<sup>15</sup> (Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, 1981: 332).

Penggunaan Ḥasan Ṣahīḥ oleh Imām Tarmidzī pula kerana hadith yang dinilai oleh beliau itu memiliki lebih dari satu sanad, yang terdapat dalam satu sanad yang dilihat sebagai Ṣahīḥ, sedangkan sanad-sanad lain yang dilihat sebagai ḥadīth Ḥasan. Oleh itu, hadith tersebut dihimpunkan dalam kumpulan ḥadīth Ḥasan Ṣahīḥ (Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, 1981: 335).

<sup>15</sup> *mutabi'*: orang yang mengambil hadith daripada orang lain. *Shāhid*: ialah orang menyaksikan sendiri hadith tersebut.

### 5.1.3.1.3 Hadith Da'if

Hadith Da'if mengikut Al-Imām Al-Nawawī tidak ada di dalam Kitāb Riyād al-Šolihin. Walau bagaimanapun pengkaji memperkirakan bahawa pentahkik kitab tersebut iaitu Ahmad Ratib Hamus menyenaraikan sebanyak 17 petikan hadith tergolong sebagai Hadith Da'if. (lihat Jadual 3 hal.: 45 dan Jadual 5 hal.: 47)

Definisi Hadith Da'if ialah hadith yang tidak memenuhi syarat-syarat yang boleh diterima. Kebanyakan ulama menyatakan bahawa Hadith Da'if ialah hadith yang tidak memenuhi syarat-syarat Hadith Ṣaḥīḥ atau pun Hadith Ḥasan (Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, 1981: 337).

Pada pandangan pengkaji, walaupun terdapat Hadith Da'if mengikut perkiraan pentahkik itu, tetapi hadith itu tidak banyak sehingga boleh mencacatkan hasil kerja Al-Imām Al-Nawawī yang agung ini. Bahkan pengkaji mendapati, kebiasaananya Al-Nawawi akan memperkuuhkan setiap hadith yang lemah pada sanadnya dengan hadith yang lebih kuat sanadnya yang mirip kepada makna matan kedua-kedua hadith. Sebagai contoh, hadith di bawah ini yang dianggap pentahkik sebagai Da'if kerana terdapat rawi yang tidak terkenal di dalam sanadnya telah disokong dengan hadith berikutnya (Al-Nawawi, 1983: 365),

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ حَالِسًا وَرَجُلٌ يَاكُلُ فَلَمْ يُسْمَعْ حَتَّى لَمْ يَقُلْ مِنْ طَعَامِهِ إِلَّا لَفْمَةُ فَلَمَّا  
رَفَعَهَا إِلَى فِيهِ قَالَ بِسْمِ اللَّهِ أَوْلَهُ وَآخِرَهُ فَضَحِّيَ النَّبِيُّ ﷺ ثُمَّ قَالَ مَا زَالَ الشَّيْطَانُ يَاكُلُ  
مَعَهُ فَلَمَّا ذَكَرَ اسْمَ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ اسْتَفَأَ مَا فِي بَطْنِهِ

Ertinya, "Sedang Rasulullah s.a.w duduk, ada seorang lelaki sedang makan tanpa membaca 'bismillah' sehingga tinggal satu suap, tatkala dia hendak menuap suapan yang terakhir dia pun membaca (بِسْمِ اللَّهِ أَوْلَهُ وَآخِرَهُ). Nabi s.a.w tersenyum kemudian bersabda syaitan sentiasa makan bersamanya, tatkala dia menyebut nama Allah S.W.T, ia pun memuntahkan apa yang di dalam perutnya."

Hadith ini dianggap Da'if yang diriwayatkan oleh Imām Abū Dāwud dan Nasa'i telah disokong oleh beliau dengan hadith yang lain telah disepakati kesahihannya yang mirip kepada maknanya seperti yang diriwayatkan oleh Imām Dāwud dan Muslim,

إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَذْكُرْ اسْمَ اللَّهِ تَعَالَى فَإِنْ تَسْتَغْفِرَ لِأَنَّ يَذْكُرَ اسْمَ اللَّهِ تَعَالَى فِي أَوْكَهِ  
فَلَيَقُلْ بِسْمِ اللَّهِ أَوْلَهُ وَآخِرَهُ

Ertinya, "Apabila seorang kamu makan hendaklah mengingati nama Allah S.W.T, jika lupa untuk mengingatnya pada awalnya, bolehlah dia berdoa dengan بِسْمِ اللَّهِ أَوْلَهُ وَآخِرَهُ. (Hadith riwayat Abū Dāwud dan Tarmidzi)

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَسْتَحِلُّ الطَّعَامَ أَنْ لَا يُذْكُرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ

Ertinya, "Sabda Rasulullah s.a.w, Sesungguhnya syaitan menyertai makanan yang dimakan dengan tidak mengingati Allah S.W.T padanya." (Hadith riwayat Imām Muslim)

Hadith yang pertama yang dikategorikan sebagai Ḥadīth Ḥasan Ṣaḥīḥ sedangkan hadith yang kedua dikategorikan sebagai Ḥadīth Ṣaḥīḥ ini, telah memperkuatkan hadith sebelumnya yang dianggap oleh pentahkik sebagai da'if di atas dari segi maknanya. Oleh itu, pada pandangan pengkaji kelemahan pada hadith ini daripada segi sanadnya telah diperkuatkan dengan hadith yang mirip kepada maknanya dan kuat pula sanadnya.

Sekalipun jika dikatakan da'if mengikut pentahkik Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin, pengkaji menganggap apa yang dikemukakan oleh Al-Imām Al-Nawawi boleh digunakan. Ini berdasarkan tiga pandangan ulama terhadap penggunaan Ḥadīth da'if yang dikemukakan iaitu, (Muhammad 'Ajaj Al-Khatib, 1981: 351),


1. Tidak boleh diamalkan secara mutlak. Pendapat ini dipilih oleh Ibn Al-'Arabi, Imām Bukhārī dan Imām Muslim, dan juga Ibn Hazam.

2. Boleh diamalkan secara mutlak. Pendapat ini dipegang oleh Imām Abu Dāwud dan Imām Aḥmad dengan alasan bahawa Ḥadīth ḏa'īf lebih baik daripada pemikiran perseorangan.
3. Boleh digunakan dalam masalah kelebihan-kelebihan amal dan nasihat-nasihat atau yang sejenisnya apabila memenuhi beberapa syarat iaitu,
  - (1) Tidak terlalu ḏa'īf sehingga tidak termasuk dalamnya seorang pendusta atau yang tertuduh berdusta juga orang yang tidak sering melakukan kesalahan. Al-'Allā'i meriwayatkan ulama bersepakat dengan syarat ini.
  - (2) Ḥadīth ḏa'īf tersebut bukanlah perkara-perkara pokok yang biasanya diamalkan.
  - (3) Pengamalnya tidak menyakini bahawa ia berstatus kuat, tetapi hanya sekadar berhati-hati.

Pengkaji berpandangan, pendapat ketiga adalah lebih digemari oleh kebanyakkan jumhur ulama Hadith dan Fiqh, bahkan disepakati oleh ulama yang besar seperti Al-Imām Al-Nawawī sendiri dan Ibnu Hajar Al-Haithami sebagaimana yang dinyatakan oleh Nor Al-Din Aṭar dalam bukunya *Manhaj al-Naqd Fī 'Ulūm al-Ḥadīth* (1997: 293). Justeru, ke ḏa'īfan di dalam Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin boleh diamalkan dan memenuhi syarat di atas kerana kebanyakkan perawi hadith tidak sampai ke tahap terkenal sebagai seorang pendusta, hanya tidak diketahui sahaja kedudukannya (lihat Jadual 5, hal: 47). Tambahan pula, kebanyakkan tema-tema hadith dianggap ḏa'īf yang dibawakan oleh Al-Imām Al-Nawawī ini berkisar kepada kelebihan amal dan nasihat. Ini selari dengan kandungan 17 hadith yang dikatakan ḏa'īf sebagaimana yang terdapat di dalam Carta 2. Berdasarkan carta ini didapati 3 hadith berkaitan dengan galakan, 6 hadith berbentuk ancaman, suruhan dan pengharusan dan nasihat dan pengajaran, 7 hadith berkisar kepada kisah-kisah dan cerita, 4 hadith contoh-contoh ikutan baik dan 3

hadith berbentuk perbandingan. Semua tema-tema ini memenuhi periwatan Hadith ḥaḍīf yang dijelaskan oleh beliau (Carta 2 berdasarkan Jadual 5 hal: 47).

**CARTA 2: TEMA-TEMA ḤADĪTH ḥAḌĪF DAN JUMLAHNYA DALAM KITĀB RIYĀD AL-SOLIHĪN**



### 5.1.3.3 GALAKAN BERPEGANG KEPADA SUNNAH

Al-Imām Al-Nawawi berjaya memperkuatkan metodologi penggunaan sunnah dalam penyampaiannya. Beliau memperkuatkan metodologi tersebut dengan mengadakan perbincangan khusus galakan dan suruhan berpegang teguh kepada sunnah kehidupan Rasulullah s.a.w dan segala yang dibawa olehnya, segala sunnah baginda s.a.w dapat diamalkan dalam kehidupan (Al-Nawawi, 1983: 134).

Beliau membawakan beberapa ayat Al-Quran yang memperlihatkan kepentingan berpegang kepada sunnah Rasulullah s.a.w, seperti firman Allah S.W.T dalam surah Ali Imran (Al- Nawawi, 1983: 134),

قُلْ إِنْ كَثُرْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَأَبْيَعُونِي بِخِيَّرْكُمْ لَكُمْ ذُنُوبُكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Ertinya, “Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Ali Imran: 31; Abdullah Basmeih, 1999: 126)

Beliau juga membawakan petikan-petikan hadith yang memperlihatkan kepentingan berpegang kepada sunnah Rasulullah s.a.w (Al-Nawawi, 1983: 136). Antaranya,

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ كُلُّ أُمَّيْتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَنِي قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَنْ يَأْتِي  
قَالَ مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَنِي

Ertinya, “Bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, “Semua umatku akan masuk syurga melainkan yang enggan”. Sahabat bertanya, “siapa yang enggan?”. Lalu baginda menjawab, “Sesiapa yang mentaatiku pasti masuk syurga dan sesiapa yang menyalahi daku sesungguhnya dialah orang enggan (masuk syurga).”

Pengkaji berpandangan, perbincangan ini mampu memberikan rasa keghairahan dan kepentingan kepada pembaca dan audien untuk beramal kepada sunnah Rasulullah s.a.w.

#### **5.1.3.4 Pemilihan hadith-hadith yang jelas maksudnya**

Metodologi lain Al-Imām Al-Nawawī ialah penggunaan hadith-hadith yang jelas maksudnya. Penggunaan metodologi ini telah diutarakan oleh beliau dalam mukaddimahnya yang menjelaskan, “...saya pastikan...(hadith yang) jelas berdasarkan sumber daripada kitab-kitab hadith yang sohib lagi masyhur.” (Al-Nawawī, 1983: 55).

Kecenderungan Al-Imām Al-Nawawī ialah memetik hadith-hadith yang jelas bahasanya. Metodologi beliau ini diperkuuhkan lagi dengan perbincangan dalam bahagian batasan-batasan agama yang menjelaskan kemakruhan menyusun kata dengan susunan yang rumit ketika bercakap dengan orang awam dan orang yang setara dengan mereka (Al-Nawawī, 1983: 672).

Pengkaji melihat metodologi ini penting kerana ia memudahkan kefahaman kepada semua golongan masyarakat. Tujuan Al-Imām Al-Nawawī adalah untuk membangunkan semua golongan manusia mengikut pembangunan yang beliau kehendaki. Oleh itu, dengan cara memilih jalan yang memudahkan mereka mengikutinya akan menambahkan keberkesanan pengajaran beliau. Ini berdasarkan bahawa setiap manusia mempunyai beberapa perbezaan tingkat akal dan kemampuan

fizikalnya. Justeru, segala bentuk pendidikan, pengajaran, bimbingan, nasihat dan sebagainya hendaklah disampaikan dengan mudah dan tidak menyulitkan (Hanafi Mohamed, 1996: 191).

Allah S.W.T sendiri telah memilih metodologi Al-Quran yang dipermudahkan dari segi bahasa, uslub dan lain-lain agar manusia dari pelbagai peringkat dapat mengambil pengajaran daripadanya. Sebagaimana firmanNya di dalam surah al-Qamar ayat 32:

وَلَقَدْ يَسَّرْتُ الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهُنَّ مِنْ مُذَكَّرٍ

Ertinya, “Dan demi sesungguhnya! Kami telah mudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?” (al-Qamar: 32; Abdullah Basmeih, 1999: 1438)

Begitu juga Rasulullah s.a.w telah mengambil metod memudahkan umatnya dengan perintah di dalam hadith di bawah ini,

إِذَا بَعَثْتَ أَحَدًا مِنْ أَصْنَابِهِ فِي بَعْضِ أَمْرِهِ قَالَ... يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا.

Ketika Rasulullah s.a.w memerintahkan seorang Sahabat untuk melaksanakan salah satu perintahnya, Baginda bersabda, ...permudahkanlah dan jangan memayahkan.” (Bukhārī, Muslim dan Abu Dāwud; CD-Rom Al-Bayan, Hadith Riwayat Bukhārī dan Muslim, 1996)

Justeru, pemilihan metod ini oleh Al-Imām Al-Nawawi menambahkan lagi keberkesanan usaha beliau dalam penyampaiannya.

Penjelasan tentang hadith yang jelas yang digunakan oleh Al-Imām Al-Nawawi, dapat dilihat oleh pengkaji dalam beberapa aspek. Aspek-aspek tersebut ialah pemilihan hadith yang mudah difahami, hadith yang tidak mempunyai perkataan-perkataan yang jarang digunakan oleh orang Arab dan hadith yang tidak membawa kepada perbincangan tafsiran yang pelbagai. Oleh sebab pemilihan hadith-hadith dalam Kitāb

Riyāḍ al-Šolihīn adalah jelas dan mudah, maka Al-Imām Al-Nawawī tidak banyak menghuraikan lagi maksud hadith-hadith yang diutarakannya melainkan sedikit sahaja kenyataan-kenyataan yang indah. Sebagai bukti pengkaji mendapati bahawa daripada 1896 petikan hadith, hanya 347 petikan hadith sahaja yang diulas oleh beliau bagi memudahkan lagi pemahaman (lihat Jadual 2, hal: 44).

### **5.1.3.5 Penggunaan hadith galakan dan kecaman**

Penggunaan hadith galakan dan kecaman atau dalam bahasa Arab sebagai ḥadīth ṭarḥīb dan ḥadīth ṭarḥīb merupakan salah satu metod penyampaian yang paling baik dan berkesan dalam dakwah. Metodologi ini telah digunakan dengan meluas dalam Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn. Penggunaan metodologi ini telah dijelaskan oleh Al-Imām Al-Nawawī sendiri dalam mukaddimahnya, "...aku ingin untuk ... menghimpunkan hadith-hadith yang menjelaskan berita-berita gembira dan berita-berita ancaman...". Contoh petikan hadith yang mengandungi kedua-dua metod ini seperti hadith halaman 78.

#### **5.1.3.5.1 Pengertian Targhib**

Perkataan ‘targhib’ (ترحيب) berasal dari bahasa Arab diambil daripada kata kerja ‘raghhaba’ (رغب) yang bermaksud menjadikannya suka atau hendak atau memberikan sesuatu apa yang dia sukai (Ibnu Manzur, 1990: 422/1. al-Bustani, 1956: 251). Pengertiannya di sini ialah memberikan kegembiraan iaitu semua yang dapat menarik sasaran untuk menerima kebenaran dan tetap dalam kebenaran (Abdul Karim Zaidan, 1972: 428).

Targhib juga dimaksudkan sebagai janji baik kepada orang-orang yang sentiasa memelihara batasan-batasan yang ditentukan oleh Allah S.W.T dengan sebaik-baiknya

yang mana mereka diberikan khabar gembira dengan kebaikan, kebahagiaan dan pelbagai nikmat di dunia dan di akhirat. Uslub ini juga digunakan untuk menarik manusia agar lebih bersungguh-sungguh dalam mentaati perintah Allah S.W.T (Ali Mahfuz, 1975: 204).

Hadith Targhib juga dilihat sebagai sumpah daripada Allah S.W.T kepada hambaNya yang mana segala janji-janji yang dinyatakan itu pasti akan ditunaikan (Ahmad Ghaliusy, t.t.: 349).

Uslub Targhib yang dijelaskan oleh Al-Munziri (1990: 11) pula merupakan suatu galakan dan ransangan kepada manusia agar sentiasa bersifat dengan sifat yang mulia, mengikut Al-Quran dan sunnah serta sentiasa mengutamakan kebaikan agar dapat menjadi ikutan.

#### **5.1.3.5.2 Pengertian Tarhib**

Perkataan Tarhib berasal dari Bahasa Arab dan diambil daripada perkataan 'rahhaba' (رَحِبَّا) yang bererti menakut-nakutkan (Ibnu Manzur, 1990: 438/l. al-Bustani, 1956: 265). Pengertiannya ialah memberikan peringatan iaitu segala yang dapat menimbulkan rasa takut kalau menolak kebenaran atau pun tetap berada dalam kebenaran sesudah menerima kebenaran (Abdul Karim Zaidan, 1972: 428).

Tarhib ini merupakan suatu uslub yang mengingatkan manusia tentang kecelakaan yang akan datang dari awal hingga akhir kehidupan seandainya manusia berterusan melakukan kemungkaran dan kejahatan. Ianya juga menyatakan tentang janji buruk dan memberi amaran kepada manusia yang melampaui dan melanggar batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T seperti ancaman dan peringatan dengan siksa dan azab yang amat pedih serta akibat dan pembalasan buruk yang berupa kesusahan, dosa dan kehinaan di dunia dan di akhirat. Uslub ini digunakan untuk

menghalang dan menyekat keinginan manusia daripada terus melakukan maksiat dan kejahatan (Ali Mahfuz, 1975: 204).


Al-Munziri (1990: 11) pula menyebut tarhib sebagai menakutkan daripada bersifat dengan sifat yang terkeji, yang meninggalkan sunnah dengan melakukan perkara bid'ah dan mengikut hawa nafsu serta mempertakutkan orang yang mengutamakan perbuatan yang jahat dan yang menjadi ikutan pula kepada yang lain.

#### **5.1.3.5.3 Penggunaan Ḥadīth Targhib Melebih Tarhib**

Pengkaji mendapati bahawa Al-Imām Al-Nawawi meletakkan keutamaan kepada Ḥadīth Targhib berbanding daripada Ḥadīth Tarhib dalam metodologi penyampaiannya. Bukti yang menunjukkan beliau mengutamakan Ḥadīth Targhib berbanding dengan Ḥadīth Tarhib telah ditunjukkan dalam Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin.

Pengkaji mendapati daripada 1155 jumlah keseluruhan hadith terdiri daripada Ḥadīth Targhib dan Tarhib, iaitu 61.8% merupakan Ḥadīth Targhib dan hanya 38.2% pula Ḥadīth Tarhib (lihat Carta 3, data berdasarkan Jadual 6, hal: 48).

**CARTA 3: PENGGUNAAN ḤADĪTH TARGHIB DAN TAREHIB DALAM KITĀB RIYĀD AL-SOLIHIN**



Pengkaji merasakan bahawa beliau memperbanyakkan Ḥadīth Targhib berbanding Tarhib kerana berpegang kepada prinsip sunnah Rasulullah s.a.w yang menyuruh memberikan khabar gembira dan tidak (selalu) mentakut-takutkan. Sabda Rasulullah s.a.w,

إِذَا بَعَثْتَ أَحَدًا مِنْ أَصْحَابِهِ فِي بَعْضِ أَمْرِهِ قَالَ بَشِّرُوا وَلَا تُنْفِرُوا

Ertinya, “Apabila baginda mengutuskan seseorang daripada sahabat-sahabatnya untuk melaksanakan sesuatu suruhannya, baginda bersabda, Sampaikanlah khabar gembira dan jangan menakut-nakutkan...” (CD-Rom Al-Bayan, Hadith Riwayat Bukhārī dan Muslim, 1996)

Selain itu, tujuan beliau untuk menyampaikan penyampaiannya kepada semua golongan masyarakat. Justeru, sewajarnya beliau memperbanyakkan Ḥadīth Targhib berbanding Ḥadīth Tarhīb, kerana penggunaan Ḥadīth Targhib dapat menimbulkan rasa harap sebaliknya Ḥadīth Tarhīb pula menimbulkan rasa takut. Ḥadīth Targhib sudah memadai kepada manusia secara umum. Tetapi untuk manusia yang degil hanya Ḥadīth Tarhīb sahaja yang boleh mengesankan mereka. Ini kerana mereka akan tidak rasa aman dari azab Allah S.W.T jika tetap berdegil (Wan Hussain Azmi, 1989: 33).


Walaupun Al-Imām Al-Nawawī mementingkan Ḥadīth Targhib melebihi Ḥadīth Tarhīb, tetapi memandangkan terdapat kepentingan Ḥadīth Tarhīb dalam menghalang umat manusia daripada melakukan kejahanan, beliau telah memperuntukkan satu bab dalam kitabnya yang khusus membincangkan batasan-batasan dalam agama dengan tajuk ‘*Kitāb al-Umūr al-Manhī ‘anhā*’ yang kebanyakkan menggunakan uslub tarhīb (Al-Nawawī, 1983: 594-697).

#### **5.1.3.6 Penggunaan hadith yang berbentuk suruhan lebih daripada tegahan**

Metodologi penggunaan hadith yang berbentuk suruhan melakukan sesuatu seperti hadith yang berbunyi “buatlah begini dan begitu” telah menjadi keutamaan kepada Al-Imām Al-Nawawī daripada yang berbentuk tegahan daripada melakukan sesuatu seperti “jangan buat begini dan begitu”. Metodologi ini, pada pendapat pengkaji merupakan satu keistimewaan dalam penyampaian beliau.

Beliau telah menggunakan sebanyak 67.4% hadith-hadith yang berbentuk suruhan dan hanya 32.6% sahaja penggunaan hadith-hadith yang berbentuk tegahan (lihat Carta 4, data berdasarkan Jadual 6, hal: 48).

**CARTA 4: PENGGUNAAN HADITH BERBENTUK SURUHAN DAN TEGAHAN**



#### 5.1.4 Penyusunan Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn yang praktikal

Satu lagi kebijaksanaan Al-Imām Al-Nawawi dalam metodologi penyampaiannya ialah mampu menyusun Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn dengan baik mengikut keutamaan yang beliau sendiri jelaskan kepentingannya kepada pembinaan kesolehan manusia dan keselamatan di alam akhirat. Beliau meletakkan keutamaan dengan pembangunan akhlak kepada Allah S.W.T terutama pembinaan hati, diikuti pembangunan sosial, pembangunan adab, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan batasan-batasan agama. Pengkaji akan memberikan beberapa contoh kebijaksanaan beliau dalam penyusunan kitab ini.

Beliau telah memulakan perbicaraannya yang pertama dengan membincangkan bab ikhlas dan kehadiran niat. Sabda Rasulullah s.a.w,

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّمَا الْأَعْتَالَ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِمَنِيرِي مَا تَوَيَ فَمَنْ كَانَ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَ هِجْرَتُهُ إِلَيْنَا يُصْبِيْهَا أَوْ امْرَأَةٌ يَتَزَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Ertinya, "Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat. Sesungguhnya setiap orang itu akan mendapat sesuatu mengikut niatnya. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan RasulNya, maka Hijrahnya itu kerana Allah dan RasulNya. Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan dunia dia akan mendapatkannya atau kerana seorang perempuan yang ingin dikahwininya maka Hijrahnya itu mengikut apa yang diniatkannya." (Riwayat Bukhāri dan Muslim; Al-Nawawi, 1983: 56-57).

Hadith ini memberikan maksud bahawa setiap amalan adalah bergantung kepada niat. Sebagai contoh hijrah walaupun dalam agama adalah baik tetapi kebaikan hijrah tersebut bergantung kepada niat. Jika niat kerana Allah S.W.T dan rasulNya maka dapatlah kembali kepadaNya dan rasulNya dengan segala ganjarannya. Sebaliknya jika hijrah kerana hendak mendapatkan dunia atau kerana wanita yang akan dinikahi, sudah tentu hanya memperolehi dunia dan apa yang dia inginkan itu sahaja.

Implikasi penggunaan hadith ini pada awal-awal perbincangan Kitāb Riyād al-Šolihin seolah-olah menjelaskan bahawa jikalau seseorang mempelajari kitab ini dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dan rasulNya. Maka, niatnya akan terlaksana. Sebaliknya jika berniat selain kerana Allah S.W.T dan rasulNya, nescaya tidak akan memberikan apa-apa faedah untuknya melainkan apa yang diniatkannya. Oleh itu, sesiapa yang mempelajari kitab beliau ini agar membetulkan niatnya supaya ikhlas.

Begitu juga beliau paling banyak membincangkan bahagian pertama kitabnya dengan perbincangan pembangunan hati dan pergaulan yang betul di antara seseorang dengan yang lainnya. Beliau mengutamakan pembangunan ini daripada yang lainnya berdasarkan pegangan beliau terhadap sabda Rasulullah s.a.w. Sabdanya,

أَلَا وَإِنْ فِي الْحَسَدِ مُضْعَفَةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ  
أَلَا وَهِيَ الْقُلُوبُ

Ertinya, “Ingalah! Sesungguhnya didalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuhnya dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya, tidak lain dan tidak bukan itulah yang dikatakan hati.” (Bukhārī dan Muslim) (Al-Nawawi, 1983: 311)

Pengkaji mendapati beliau telah meletakkan keutamaan kepada pembinaan hati berbanding kepada aspek lain kerana pembinaan aspek lain sudah tentu tidak akan berjaya tanpa pembinaan sifat-sifat hati. Ini kerana hati seperti maksud hadith di atas adalah pusat anggota manusia keseluruhannya. Jika hati telah rosak dengan sendiri segala anggota yang lain akan rosak. Sebaliknya jika hati telah baik, dengan sendirinya akan memudahkan pembentukan aspek-aspek yang lain.

Selepas pembangunan hati ini, beliau telah menumpukan kepada pembangunan pergaulan antara manusia. Beliau telah membawakan sabda Rasulullah s.a.w ini,

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَنذِرُونَ مَا الْمُفْلِسُ قَالُوا الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ فَقَالَ إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَاتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَوةٍ وَصَيَامٍ وَزَكَاهٍ وَيَأْتِي قَدْ شَاءَ هَذَا وَقَدْ فَعَلَ هَذَا وَأَكَلَ مَا لَهُ وَسَفَكَ دَمَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا فَيَنْظُرُ هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ فِي نَفْسِهِ حَسَنَةٌ فَقَبْلَ أَنْ يُفْضِيَ مَا عَلَيْهِ أُحِيدَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطَرِحَتْ عَلَيْهِ ثُمَّ طَرِحَ فِي النَّارِ.

Ertinya, “Rasulullah s.a.w bertanya, “Tahukah kamu apa itu muflis?”. Mereka (sahabat-sahabat) berkata, “Muflis kepada kami ialah orang yang tidak mempunyai dirham dan mata benda.” Lalu baginda bersabda, “Sesungguhnya muflis daripada umatku ialah orang yang datang pada hari Qiamat dengan solat, puasa, zakat. Kemudian datang pula kepadanya orang telah dia maki, orang yang telah kena tuduh (zina), orang yang telah ia makan hartanya, orang yang telah ia tumpahkan darahnya, orang yang ia telah pukul, kemudian diberikan kepada orang ini daripada sebahagian pahalanya, orang ini sebahagian pahalanya. Apabila telah habis pahalanya sebelum selesai lagi tuntutan keatasnya, diambil pula dosa-dosa mereka diletakkan ke atasnya kemudian dia dicampakkan ke dalam api neraka.” (Muslim; Al-Nawawi, 1983: 165)

Hadith di atas menjelaskan bahawa kedudukan seorang manusia pada hari Kiamat tidak akan selamat jika perhubungan seseorang dengan manusia yang lainnya

tidak betul walaupun mempunyai amal ibadat yang banyak. Justeru, beliau meletakkan pembangunan pergaulan antara manusia adalah yang kedua terpenting selepas pembangunan hati.

Contoh lain yang menunjukkan kebijaksanaan beliau ialah beliau telah meletakkan kitab yang bertajuk ‘Kitab tentang beristigfar dan kenikmatan orang mukmin di alam Akhirat’ sebagai kitab terakhir dalam Kitāb Riyād al-Šolihīn. Kewajarannya ialah beliau mahukan umat Islam termasuk dirinya sendiri memperbanyak istighfar setelah selesai sesuatu amalan. Oleh sebab kitab beliau telah selesai membincangkan segala matlamat dan tujuan penyusunannya, maka langkah yang terakhir ialah beliau perlu beristigfar. Begitu juga sekelian yang mempelajari kitabnya, apabila telah selesai, maka mereka perlu beristighfar. Beliau ada membawakan dua hadith yang menjelaskan penting beristigfar setelah selesai melakukan sesuatu amalan, juga ketika dirasakan masa telah tiba untuk kembali kepada Allah S.W.T:

كان رسول الله ﷺ إذا انصرف من صلاته استغفر ثلثا ...

Ertinya, “Adalah Rasulullah s.a.w apabila telah selesai daripada solatnya, ia akan beristigfar 3 kali...”

كان رسول الله ﷺ يكثر أن يقول قبل موته، "سبحان الله وبحمده أستغفر الله وأتوب إليه"

Ertinya: “Adalah Rasulullah s.a.w memperbanyakkan pengucapannya sebelum kewafatannya,

سبحان الله وبحمده أستغفر الله وأتوب إليه

“Maha Suci Allah dan Segala Pujian bagiNya, aku memohon keampunanNya dan aku bertaubat kepadaNya.” (Al-Nawawi, 1983: 733)

Begitu juga engan erbincangan ang aling khir alah ab entang pa ang dijanjikan Allah S.W.T kepada orang mukmin di dalam Syurga. Tujuan beliau ialah

hendak mengembirakan hati mereka yang telah berusaha keras untuk membangunkan diri mereka sehingga mencapai kesolehan di dunia ini. Balasan terakhir yang kekal abadi adalah Syurga yang indah yang telah dijanjikan Allah S.W.T kepadanya.

Pengkaji tidak boleh membincangkan satu persatu kebijaksanaan Al-Imām Al-Nawawi dalam menyusun dan meletakkan keutamaan sesuatu pembangunan manusia kepada yang lainnya. Tetapi, contoh di atas sudah memadai untuk menilai kebijaksanaan beliau dalam metodologi ini.

### **5.1.5 Kesimpulan**

Metodologi Al-Imām Al-Nawawi telah membuktikan kewibawaan dan kebijaksanaannya dalam menyusun *Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin*.

Persepadan antara ayat Al-Quran dan Sunnah Sahihah mampu memberikan keyakinan dan kesan yang mendalam kepada pembaca dan audien. Tambahan pula, pemilihan hadith-hadith yang jelas maksudnya, hadith-hadith *Targhib* yang melebihi *Tarhib* dan pemilihan hadith-hadith yang berbentuk suruhan melebih hadith yang berbentuk larangan menjadikan kitab ini begitu menarik sehingga kitab ini mampu berkembang dan diterima di kalangan umat Islam sehingga ke hari ini.

Keistimewaan *Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihin* yang lain diperkuuhkan dengan metodologi Al-Imām Al-Nawawi dalam penyusunannya yang mengikut keutamaan pembangunan insan yang berasaskan kepada pembangunan akhlak insan kepada Allah S.W.T terutama pembangunan hati yang membawa kepada pembangunan insan yang menyeluruh dan kamil.


## 5.2 Perbincangan Isi kandungan Pembangunan Insan Menurut Paradigma Al-Imām Al-Nawawī

### 5.2.1 Pendahuluan

Pembangunan insan menurut paradigma Al-Imām Al-Nawawī di dalam Kitāb Riyād al-Šolihin melengkapi berbagai-bagai aspek kehidupan yang mampu untuk menjadi panduan kepada semua dan umat Islam dan pelbagai lapisan masyarakat kerana, di dalamnya terkandung asas-asas umum pembangunan insan yang sepatutnya diamalkan oleh setiap umat Islam dalam setiap keadaan agar mereka mencapai tahap kesolehan yang selayaknya dalam Islam seterusnya mencapai kebahagiaan di dunia dan di Akhirat.

Secara keseluruhannya, aspek-aspek pembangunan insan yang ditekankan oleh Al-Imām Al-Nawawī mengandungi 204 perkara sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab dapatan kajian lalu.


**CARTA 5: PERATUSAN ISI KANDUNGAN PEMBANGUNAN INSAN YANG TERDAPAT DI DALAM KITĀB RIYĀD AL-ŠOLIHIN**



Jika isi kandungan pembangunan insan ini diuraikan dalam bentuk kekerapan dan peratusan ianya didapati 22 perkara (10.78%) merupakan aspek akhlak dengan Allah S.W.T, 15 perkara (7.35%) aspek akhlak sesama insan, 27 perkara (13.23%) merangkumi aspek sosial, 25 perkara (12.26%) merangkum aspek adab kehidupan, 11

perkara (5.4%) aspek ibadat dan masing-masing sebanyak 1 perkara (0.5%) bagi pembangunan jihad dan ilmu. Pembangunan terakhir penekanan Al-Nawawi ialah 102 perkara (49.98%) aspek batasan agama (lihat Carta 5 dan 6).

**CARTA 6: GAMBARAN KESELURUHAN KANDUNGAN PEMBANGUNAN YANG TERDAPAT DI DALAM KITĀB RIYĀD AL-ṢOLIHĪN**



### 5.2.1.1 Akhlak kepada Allah S.W.T

Akhlik dalam bahasa Arab disebut sebagai ‘khuluq’ (خُلُقٌ) yang bererti perangai, tabiat dan budi pekerti (Al-Bustani, Fuad Afram, 1956: 177). Selain itu, bererti kebiasaan, maruah, agama (Abdul Latif, 1985: 7). Akhlak dari segi istilah pula bermaksud perilaku yang meresap ke dalam jiwa seseorang. Perilaku inilah yang menerbitkan perbuatan dengan perasaan senang dan mudah tanpa perlu kepada pemikiran dan pertimbangan. Jika yang terbit dari perilaku itu perbuatan yang elok dan terpuji menurut ukuran akal maupun syarak, itulah yang dinamakan akhlak yang baik. Tetapi jika sebaliknya, ia dinamakan akhlak yang keji (Al-Ghazali, 1989 : 438; M. Ali Hasan, 1984: 10; Abdul Latif Mohammad Al-Abd, 1985: 7).

Akhlik insan berkaitan dengan hubungan dengan Allah S.W.T dan juga sesama insan. Pembinaan akhlak dengan Tuhan seperti yang dibincangkan oleh Al-Imām Al-Nawawi ialah pembinaan sifat-sifat hati dan fikiran kepada Allah S.W.T semata-mata kerana berakhlik kepadaNya. Pembinaan aspek ini adalah asas yang akan menzahirkan akhlak insan sesama insan dan asas kepada keseluruhan pembangunan yang lain. Pembangunan ini juga dinamakan dengan pembangunan iman insan kerana akhlak luaran insan yang terzahir adalah cerminan daripada kebersihan hati dan kekuatan keimanan yang wujud di dalamnya.

Kepentingan hubungan akhlak kepada Tuhan sememangnya tidak boleh dinafikan. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang menyebut (Al-Nawawi, 1983:311),

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْطَعَةً إِذَا صَلَحَتْ مَلَحَّ الْجَسَدُ كُلُّهُ  
وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْفَلَقُ

Ertinya, “Ingatlah! Sesungguhnya didalam tubuh manusia itu ada segumpal daging, apabila ia baik maka baiklah seluruh tubuhnya dan

jikalau ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya, tidak lain dan tidak bukan itulah yang dikatakan hati.” (Riwayat Bukhārī dan Muslim)

Hadith di atas menegaskan bahawa pembangunan akhlak dengan Tuhan melalui keimanan yang penuh kepada Allah S.W.T menjadi asas kepada pembentukan akhlak luaran dan segala pembangunan yang lain. Ini dibuktikan lagi dengan sabda Rasulullah s.a.w yang menyebut,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُكْرِمْ ضَيْفَهُ وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُصِلْ رَحْمَةً وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُقْرِئْ خَيْرًا أَوْ لِيُضْنِتْ

Ertinya, “Daripada Abu Hurairah r.a. daripada nabi s.a.w katanya, sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, sudah pasti dia akan memuliakan tetamunya dan sesiapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, sudah pasti dia akan menghubungkan silatulrahim, dan sesiapa yang beriman kepada Allah dan Hari akhirat, sudah pasti dia akan berkata yang baik atau dia hanya diam.” (Riwayat Bukhārī dan Muslim ; Al-Nawawi, 1983: 199)

Hadith yang dipetik dari Kitāb Riyāḍ al-Šolihin di atas menunjukkan perlunya keimanan kepada Allah S.W.T sebagai asas untuk membentuk peribadi seseorang yang memungkinkannya melakukan kebaikan kepada sesama manusia.

Dalam membangunkan sifat akhlak insan kepada Allah S.W.T, Al-Imām Al-Nawawi telah berjaya menanamkan rasa kepentingan sifat ini dalam diri insan dengan membawa ayat Al-Quran dan hadith targhib atau tarhib. Sebagai contoh, dalam membicarakan pembangunan sifat ikhlas dan takwa beliau telah membawakan beberapa potong ayat Al-Quran. Salah satunya ialah firman Allah S.W.T di dalam surah al-Haj,

لَنْ يَنْالَ اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنْالُهُ التَّقْوَى مِنْكُمْ

Ertinya, “Daging dan darah binatang korban (atau hadiah itu) tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadaNya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu.” (al-Haj: 37 ; Abdullah Basmeih, 1999: 850)

Ayat ini menjelaskan bahawa ibadat kurban atau apa sahaja amalan yang dilakukan oleh hambanya tidak diterima oleh Allah S.W.T kecuali terdapat keikhlasan dalam amal ibadat tersebut dan sifat takwa hambaNya.

Setelah itu, beliau membawakan banyak hadith-hadith yang menyentuh kepada sifat ikhlas seperti sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Muslim,

إِنَّ بِالْمَدِينَةِ لَرِحَالًا مَا سِرْتُمْ مَسِيرًا وَلَا قَطَعْتُمْ وَادِيًّا إِلَّا كَانُوا مَعَكُمْ حَبْسَهُمُ الْمَرَضُ،  
وَفِي رِوَايَةِ إِلَّا شَرِكُوكُمْ فِي الْآخِرِ.

Ertinya, “Sesungguhnya terdapat mereka yang tinggal di Madinah yang tidak seperti kamu berpergian dan tidak meredah lembah tetapi seolah-olah mereka bersama kamu, (mereka tidak dapat pergi) kerana sakit. Dalam riwayat lain, “tetapi mereka berkongsi pahala dengan kamu.” (al-Nawawi, 1983: 57)

Hadith di atas menggalakkan sifat ikhlas dalam jihad yang terangkum juga lain-lain amalan kebaikan yang mana jika ikhlas niatnya kemudian terdapat pula halangan dalam melaksanakannya, nescaya Allah S.W.T akan memberikan pahala yang penuh sebagaimana yang telah diniatkan.

Dalam membangunkan sifat takwa pula, beliau telah membawa beberapa hadith targhib dalam pembangunan sifat itu, antaranya ialah Hadith Hasan Sahih yang dikeluarkan oleh Tarmidzi (Al-Nawawi, 1983: 97). Sabda Rasulullah s.a.w,

أَقْرُبُوا اللَّهُ وَصَلُّوا عَنْ سَكُونٍ وَصُومُوا شَهْرَكُمْ وَأَدُّوا زَكَاتَكُمْ وَأَطْبِعُوا أَمْرَأَكُمْ  
لَذْخُلُوا جَنَّةَ رَبِّكُمْ

Ertinya, “Bertakwalah kamu kepada Allah S.W.T, tunaikan solat lima waktu kamu, puasalah sebulan (Ramadhan) kamu, selesaikanlah zakat harta kamu dan taatilah ketua-ketua kamu nescaya kamu semua akan masuk syurga Tuhan kamu.”

Hadith ini dan hadith-hadith yang lain mampu mendorong para pembaca dan audien dan menggalakkan mereka kepada sifat takwa dan beramal dengan beberapa amal ibadat yang lain yang menjadi syarat untuk umat Islam masuk ke syurga.

Dalam hadith di atas, dapat dilihat hubungan antara sifat hati iaitu takwa dengan lain-lain amalan sebagai syarat untuk masuk ke syurga. Sememangnya, hubungan sifat takwa dan sifat-sifat hati yang lain begitu penting kepada akhlak luaran, seperti ibadat, pergaulan, pembentukan adab sopan dan sebagainya.

### 5.2.1.2 Akhlak sesama insan

Pembangunan akhlak ini pula sebagaimana yang dibincangkan oleh Al-Imām Al-Nawawi meliputi pembangunan sifat-sifat hati insan kepada insan yang lain yang terjelma melalui akhlak luarannya.

Kepentingan akhlak sesama insan ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w dalam beberapa sabdanya. Antaranya:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ لَمْ يَكُنْ النَّبِيُّ ﷺ فَاجِسًا وَلَا مُتَفَحِّشًا وَكَانَ  
يَقُولُ إِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ أَخْسَنُكُمْ أَخْلَاقًا

Ertinya, “Daripada Abdullah b. ‘Amru r.a. katanya, nabi s.a.w bukanlah orang yang bersifat melampau-lampau dan bukan juga yang suka mencarut. Dan dia pernah bersabda, “sesungguhnya yang terbaik dari kalangan kamu ialah yang paling baik akhlaknya (kepada manusia yang lain).” (Riwayat Bukhārī dan Muslim; Al-Nawawi, 1983: 323)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَكْمَلَ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَخْسَنُهُمْ خُلُقًا

Ertinya, “Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, telah bersabda Rasulullah s.a.w, “Yang paling sempurna iman di kalangan orang mukmin ialah yang paling baik akhlaknya di kalangan mereka.” (Riwayat Tarmidzi; Al-Nawawi, 1983: 324)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ سُبْلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ الْجَنَّةَ  
فَقَالَ تَقْوَى اللَّهُ وَحَسْنُ الْخُلُقِ

Ertinya, "Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, Rasulullah s.a.w ditanya tentang sebab apa kebanyakkan manusia masuk ke syurga. Lalu baginda bersabda, "Takwa kepada Allah S.W.T dan baik perangai." (Al-Nawawi, 1983: 324)

Ketiga-tiga hadith di atas telah menjelaskan kepada kita kedudukan dan kepentingan akhlak kepada sesama manusia sehingga Rasulullah s.a.w sendiri telah mengakui bahawa manusia yang terbaik di sisi Allah S.W.T dan yang paling sempurna keimanannya adalah manusia yang paling baik akhlaknya antara sesama manusia. Golongan inilah yang paling banyak masuk ke syurga. Justeru, kepentingan akhlak insan sesama insan adalah sangat penting dalam kehidupan insan di dunia lebih-lebih lagi dalam kehidupan manusia di akhirat.

Pembangunan sifat ini dibina oleh Al-Imām Al-Nawawi dengan mendatangkan rasa keghairahan dan kepentingan terhadap segala sifat ini melalui ayat-ayat Al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. Sebagai contoh beliau menghuraikan sifat tawaduk dan sifat baik perangai (Al-Nawawi, 1983: 216-219).

Firman Allah S.W.T tentang sifat tawaduk,

وَأَنْهِضْ جَنَاحَكَ لِمَنْ أَبْعَلَكَ مِنْ الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya, "Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman." (al-Syu'a'ra': 215; Abdullah Basmeih, 1999: 969)

Firman Allah S.W.T di atas menunjukkan perintahNya kepada baginda Rasulullah s.a.w agar bersifat merendah diri dengan orang-orang Mukmin supaya menjadi contoh tauladan kepada mereka supaya mereka juga berperangai demikian.

Sabda Rasulullah s.a.w yang menyentuh sifat tawaduk pula,

مَا تَقْصَتْ صَدَقَةٌ مِّنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِغَيْرِ إِلَّا عِزًّا وَمَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ

Ertinya, “Sedekah tidak mengurangkan harta seseorang, tidak menambah Allah S.W.T terhadap hambanya dengan keampunan melainkan ketinggian dan tidaklah seseorang yang bertawaduk kerana Allah S.W.T melainkan Dia akan mengangkat darjatnya.” (Riwayat Muslim ; Al-Nawawi , 1983: 317)

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَلَى صَبَّيَانَ فَسَلَمَ عَلَيْهِمْ وَقَالَ كَانَ النَّبِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَفْعُلُهُ.

Ertinya, “Daripada Anas Bin Malik r.a. bahawa tatkala beliau lalu di hadapan seorang kanak-kanak, beliau memberi salam dan berkata, “Adalah nabi s.a.w berbuat demikian juga.” (Riwayat Bukhārī dan Muslim ; Al-Nawawi , 1983: 317)

Rasulullah s.a.w pula selaku utusanNya telah menunjukkan contoh tauladan yang baik dalam menunjukkan sifat tawaduknya kepada orang Islam sehingga kepada kanak-kanak yang masih kecil sebagaimana yang ditunjukkan dalam hadith di atas. Contoh tauladan ini pula telah berjaya diikuti oleh para sahabat baginda termasuk Anas r.a. Yang paling penting ialah sifat ini mampu meninggikan darjat insan yang memiliki sifat ini sebagaimana maksud hadith yang kedua di atas.

### **5.2.1.3 PEMBANGUNAN SOSIAL**

Aspek pembangunan sosial lebih menumpukan kepada perhubungan sosial yang melibatkan secara langsung hubungan pergaulan, interaksi dan perlaksanaan hak antara seorang manusia dengan manusia yang lain.

Aspek pembangunan ini begitu penting kerana merupakan aspek pembangunan masyarakat Islam keseluruhannya dan sudah menjadi tanggungjawab setiap insan untuk membawa akhlak Islam ke dalam kehidupan sosial masyarakat. Sebagai langkah awal untuk membangunkan masyarakat pula tidak boleh tidak kehidupan sosial keluarga perlu dibangunkan terlebih dahulu (Fatha Yakan, 1983: 51-52), kemudian barulah kehidupan sosial masyarakat dan akhirnya hubungan sosial antara pemerintah dan

rakyat sebagaimana yang telah dihuraikan oleh Al-Imām Al-Nawawi dalam Kitāb Riyād al-Šolihīn.

### **5.2.1.3.1 Pembangunan sosial dalam institusi keluarga**

Dalam membahaskan pembangunan sosial ini, Al-Imām Al-Nawawi banyak membawakan ayat Al-Quran dan hadith yang berbentuk ingatan serta pengajaran di samping hadith-hadith targhib dan tarhib kepada umat Islam sehingga dianggap hanya mereka yang mempunyai hubungan sosial yang baik serta menjalankan tanggungjawab terhadap ahli keluarga sahaja dianggap mempunyai iman yang sempurna dan akan mendapat keselamatan di alam akhirat (Al-Nawawi, 1983: 184-195). Antara bentuk hadith ingatan yang dibawakan oleh beliau seperti hadith riwayat Bukhārī dan Muslim ini. Sabda Rasulullah s.a.w,

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْأَمِيرُ رَاعٍ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَالْمَرْأَةُ  
رَاعِيَّةٌ عَلَى بَيْتِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Ertinya, “Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya hal yang dibawah pimpinannya. Seorang amir adalah pemimpin, seorang lelaki juga pemimpin kepada ahli rumahnya, seorang wanita pula pemimpin dalam rumah suaminya dan anak-anaknya, maka setiap kamu merupakan pemimpin dan setiap kamu akan ditanya orang yang di pimpinannya.”(Al-Nawawi, 1983: 188)

Hadith di atas merupakan ingatan Rasulullah s.a.w kepada umatnya tentang tanggungjawab masing-masing sama ada insan itu adalah seorang amir, suami, isteri dan sebagainya kerana setiap insan akan ditanya di akhirat sama ada mereka telah menjalankan tanggungjawab masing-masing. Jikalau tanggungjawab sudah dijalankan akan berbahagialah insan itu di hari Qiamat dan jika sebaliknya, akan menerima azab yang pedih. Dalam konteks kehidupan berkeluarga pula, sekiranya setiap insan telah dapat menjalankan segala tanggungjawab mereka, sudah pasti keamanan, ketenteraman

dan kebahagiaan dapat dikecapi oleh setiap insan dalam kehidupan berkeluarga di dunia ini.

Hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang lain pula dengan sabdanya (Al-Nawawi, 1983: 190),

دِيْنَارٌ أَنْفَقْتُهُ فِي سَبِيلِ اللّٰهِ وَدِيْنَارٌ أَنْفَقْتُهُ فِي رَقَبَةٍ وَدِيْنَارٌ أَنْصَافْتَ بِهِ عَلٰى مِسْكِينٍ  
وَدِيْنَارٌ أَنْفَقْتُهُ عَلٰى أَهْلِكَ أَعْظَمُهُمَا أَخْرًا الَّذِي أَنْفَقْتُهُ عَلٰى أَهْلِكَ.

Ertinya, “Antara dinar (wang emas) yang engkau belanjakan di jalan Allah S.W.T, dinar yang engkau belanjakan untuk memerdekaan hamba, dinar yang engkau sedekahkan kepada orang miskin dan dinar yang engkau belanjakan untuk ahli keluargamu, ganjaran yang terbesar adalah apa yang engkau belanjakan untuk ahli keluargamu.” (Riwayat Muslim)

Hadith yang dibawakan oleh beliau ini pula ialah hadith keterangan kepada pembangunan hubungan sosial antara suami dengan isteri dan anak-anaknya. Hadith ini menjelaskan tentang perbandingan ganjaran-ganjaran yang tertinggi dalam empat jenis perbelanjaan dengan yang tertinggi diberikan kepada mereka yang berbelanja untuk ahli keluarga mereka. Ini merupakan satu galakan kepada suami atau bapa untuk berbelanja kepada ahli keluarganya sama ada dalam bentuk keperluan makanan, pakaian, pendidikan dan lain-lain keperluan agar setiap ahli keluarganya diberi perhatian yang lebih dalam meningkatkan kebahagiaan kehidupan mereka di dunia.

#### **5.2.1.3.2 Pembangunan sosial dalam masyarakat umum**

Pembangunan sosial di dalam masyarakat ini amat penting bagi setiap insan kerana pembangunan ini mempunyai hubungan dengan pembangunan hati, pembangunan ibadat dan pembangunan adab kehidupan. Pembangunan ini juga merupakan syarat kepada keharmonian masyarakat dan antara penyebab utama setiap insan boleh memperoleh kebahagiaan di dalam syurga yang kekal abadi. Sebagai

contoh, sifat berkasih sayang sesama Islam yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w ini daripada riwayat Abu Hurairah (Al-Nawawi, 1983: 224),

وَالَّذِي تَفْسِي بِيَدِهِ لَا تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ حَتَّىٰ تُؤْمِنُوا وَلَا تُؤْمِنُوا حَتَّىٰ تَحْبُّوْا أَوْ لَا أَدْكُنْ  
عَلَىٰ شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوهُ تَحَابِبُهُمْ أَفْشُوا السَّلَامَ يَتَكَبَّرُونَ

Ertinya, “Demi nyawaku di tanganNya, kamu tidak akan masuk syurga sehinggalah kamu beriman dan kamu tidak akan beriman sehinggalah kamu berkasih sayang (sesama Islam), mahukan aku tunjukkan sesuatu amalan yang mana jika kamu lakukannya kamu akan berkasih sayang? Berikanlah salam di antara kamu.” (Riwayat Muslim)

Hadith di atas menunjukkan perhubungan rapat antara pembangunan hati melalui keimanan dan pembangunan adab melalui cara menyampaikan salam. Selain itu, kita boleh membayangkan bagaimana bahagia dan harmoninya masyarakat yang hidup dalam kasih sayang sebagaimana anjuran Rasulullah s.a.w tersebut dan sebagai balasan terakhir bagi orang yang berkasih sayang kerana Allah S.W.T ialah syurga.

Manakala bagi mereka yang tidak menjaga perhubungan sosial dengan betul di dalam masyarakat telah dijanjikan pula dengan azab sebagaimana tersebut dalam hadith riwayat Muslim (Al-Nawawi, 1983: 165) yang menceritakan keadaan seorang insan yang membawa amalan yang banyak di Padang Mahsyar. Tetapi oleh kerana hubungan dengan sesama manusia rosak akibat daripada kezalimannya, kejiannya, makan harta orang lain, menumpahkan darah dan sebagainya, dia terpaksa memberikan segala amalannya itu kepada orang yang menuntut kembali hak mereka. Apabila amalannya telah habis sedangkan masih ada lagi tuntutan, dia terpaksa memikul pula dosa dari baki orang menuntutnya. Akhirnya dia dicampakkan ke dalam neraka kerana dosa orang lain (Al-Nawawi, 1983: 165).

#### **5.2.1.3.3 Pembangunan sosial antara pemerintah dan rakyat.**

Dalam membincangkan pembangunan sosial antara pemerintah dengan rakyat dan rakyat dengan pemerintah, Al-Imām Al-Nawawi banyak mengutarakan ancaman-

ancaman kepada mereka jika tidak menjalankan tanggungjawab sosial antara kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun beliau ada juga membawakan hadith-hadith yang berbentuk targhib terutamanya targhib terhadap pemerintah yang adil. Antara hadith tarhib yang dibawakan oleh beliau dalam membincangkan kewajipan sosial pemerintah seperti sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Ali Ma'qil (Al-Nawawi, 1983: 333),

مَا مِنْ عَبْدٍ يَسْتَرْعِيْهِ اللَّهُ رَعِيْةً يَمُوتُ يَوْمَ يَمُوتُ  
وَهُوَ غَاشٌ لِرَعِيْتِهِ إِلَّا حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْحَتَّةَ.

Ertinya, "Tidak seorang pun daripada seorang hamba yang diberikan oleh Allah S.W.T kekuasaan untuk menguruskan rakyat yang mati dalam keadaan menipu rakyatnya, melainkan Allah S.W.T mengharamkan syurga ke atasnya."(Riwayat Bukhārī dan Muslim)

Satu lagi hadith Rasulullah s.a.w yang berbunyi,

عَنْ أَبِي مَرْتَبَةِ أَنَّهُ قَالَ لِمُعَاوِيَةَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ "مَنْ وَلَاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ شَيْئًا مِنْ أَمْرِ الْمُسْلِمِينَ فَاحْتَجَبَ دُونَ حَاجَتِهِمْ وَخَلَّتِهِمْ وَفَقَرِيرُهُمْ احْتَجَبَ اللَّهُ عَنْهُ دُونَ حَاجَتِهِ وَخَلَّتِهِ وَفَقَرِيرِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ،" فَجَعَلَ مُعَاوِيَةَ رَجُلًا عَلَى حَوَائِجِ النَّاسِ.

Ertinya, "Abu Maryam berkata kepada Mu'awiyah r.a., "Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, sesiapa yang Allah S.W.T lantik untuk menguruskan urusan orang Islam dan dia tidak memperdulikan perlaksanaan keperluan, kepapaan dan kefakiran mereka, nescaya Allah S.W.T tidak memperdulikan keperluan, kepapaan dan kefakirannya pada hari Qiamat." Maka Mu'wiyah memastikan dirinya seorang lelaki yang sentiasa menjaga keperluan manusia." (Riwayat Abu Dāwud dan Tarmidzi)

Sabda Rasulullah s.a.w pula terhadap pemerintah yang adil yang diriwayatkan oleh Abdullah b. Amru (Al-Nawawi, 1983: 335),

إِنَّ الْمُقْسِطِينَ عِنْدَ اللَّهِ عَلَىٰ مَنَابِرَ مِنْ نُورٍ الَّذِينَ يَعْدِلُونَ فِي حُكْمِهِمْ وَأَمْلِيَّهُمْ وَمَا وَلَوَا

Ertinya, "Sesungguhnya orang yang berlaku adil di sisi Allah S.W.T akan menduduki beberapa mimbar cahaya, mereka ialah orang-orang yang berlaku adil di dalam pemerintahan, keluarga dan apa yang ditadbirnya." (Riwayat Muslim)

Tiga contoh hadith di atas merupakan antara contoh-contoh perbincangan Al-Iman Al-Nawawi dalam pembangunan sosial pemerintah terhadap rakyat. Hadith pertama menjelaskan tentang pemerintah yang menipu dan memanipulasi rakyat untuk kepentingan mereka akan menerima akibat azab yang pedih di dalam neraka. Bahkan hadith yang kedua pula menerangkan pemerintah yang membiarkan rakyat di dalam keadaan kemiskinan, kepapaan dan tidak menyediakan keperluan awam yang cukup untuk rakyatnya, nescaya Allah S.W.T tidak langsung memperdulikan segala keperluannya untuk selamat daripada azab di akhirat. Sebaliknya, keadilan pemerintah dalam pemerintahan menjadikan pemerintah itu mulia dan mempunyai kedudukan yang tinggi di akhirat. Salah satu kelebihan mereka di Padang Mahsyar ialah Allah S.W.T menyediakan untuknya mimbar-mimbar yang diperbuat daripada cahaya.

Manakala contoh hadith yang membincangkan tanggungjawab sosial rakyat terhadap pemerintah pula banyak berkisar kepada ketaatan terhadap pemerintah. Antaranya, sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (Al-Nawawi, 1983: 338),

مَنْ أطَاعَنِي فَقَدْ أطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ يَغْصِبُنِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ  
وَمَنْ يُطِيعُ الْأَمِيرَ فَقَدْ أطَاعَنِي وَمَنْ يَغْصِبُ الْأَمِيرَ فَقَدْ عَصَبَنِي

Ertinya, “Sesiapa yang mentaatiku, sesungguhnya dia mentaati Allah, dan sesiapa yang menginkariku, sesungguhnya dia menginkari Allah, dan sesiapa yang mentaati amir sesungguhnya dia mentaatiku dan sesiapa yang mengingkari amir sesungguhnya dia menginkariku. (Riwayat Bukhārī dan Muslim)

Hadith ini pula menunjukkan perhubungan mentaati amir dengan mentaati rasul dan Allah S.W.T Seorang rakyat yang benar-benar mentaati Allah S.W.T dan rasulNya sudah tentu bersikap mentaati amir mereka dan begitulah juga sebaliknya.

#### **5.2.1.4 Pembangunan adab kehidupan**

Aspek pembangunan yang keempat menurut paradigma Al-Imām Al-Nawawi' ialah pembangunan adab-adab kehidupan. Perkataan *adāb* adalah dari bahasa Arab iaitu 'aduba' (عُدْبَة) yang bererti bersopan dan bersantun (Al-Bustani, Fuad Afram, 1956: 5). Adab asalnya bermakna mengajak kepada pembentukan adab di kalangan manusia. Dinamakan dengan adab kerana adab itu mengajak manusia kepada perkara yang dipuji dan mencegah mereka daripada perkara yang dikeji (Tbnu Manzur, 1990: 206/1). Dari segi istilahnya pula ialah mengamalkan sesuatu yang dipuji samada dalam bentuk ucapan dan perbuatan (Al-Nawawi', 1983: 342). Al-Imām Al-Nawawi' membincangkan aspek adab atau sopan santun ini dalam dua aspek iaitu pembangunan sifat beradab dan tatacara kehidupan yang beradab.

##### **5.2.1.4.1 Pembangunan sifat beradab**

Al-Imām Al-Nawawi' telah menyenaraikan 13 sifat beradab yang sepatutnya ada dalam diri setiap insan yang dikatakan berperadaban.

Dalam membincangkan pembentukan sifat-sifat ini, beliau telah membawakan ayat-ayat Al-Quran dan hadith-hadith yang menjurus kepada kepentingan segala sifat beradab ini. Pengkaji membawakan beberapa contoh hadith yang diutarakan oleh beliau dalam membangunkan sifat beradab iaitu malu dan mendahulukan bahagian kanan dalam setiap perkara yang baik.

Sabda Rasulullah s.a.w dalam menggalakkan sifat malu sebagaimana diriwayatkan dalam dua hadith oleh Bukhārī dan Muslim, "Sifat malu akan mendatangkan kebaikan (kepada diri seseorang)", dan "Malu itu sebahagian daripada iman." Kedua-dua hadith ini menjelaskan tentang kepentingan sifat malu kepada seseorang insan yang beradab. Malu memberikan kebaikan kepada insan kerana dengan

sifat malu akan menyebabkan insan itu menjauhkan diri daripada membuat kejahanan kerana malu kepada Allah S.W.T atau kepada manusia. Malu membuat kejahanan itu juga merupakan tanda bahawa seseorang itu mempunyai iman dalam hatinya sebagaimana terjelas dalam hadith yang kedua tadi.

Hadith-hadith tentang keutamaan mendahulukan yang kanan dalam setiap pekerjaan yang baik banyak berkisar kepada hadith Qudwah Hasanah iaitu hadith contoh terbaik Rasulullah s.a.w kepada umatnya. Antara hadith tersebut ialah (Al-Nawawi, 1983: 361-362),

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحِبُّ التَّيْمُونَ مَا اسْتَطَاعَ فِي شَأْنٍ كُلُّهُ فِي طُهُورِهِ وَتَرْجِلِهِ وَتَعْلِيهِ.

Ertinya, “Daripada A’isyah katanya, “Adalah nabi s.a.w suka mendahulukan yang kanan seberapa yang mampu dalam semua urusan di dalam bersuci, menyikat rambut dan memakai sepatunya.” (Riwayat Bukhāri dan Musli.m)

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ قَالَتْ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَهُنَّ فِي غَسْلِ الْبَيْتِ زِينَبُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَبْدَأَنَّ بِمَتَابِعِهَا وَمَوَاضِعِ الْوُضُوءِ مِنْهَا.

Ertinya, “Daripada Ummu A’tiyyah katanya, bersabda nabi s.a.w kepada wanita-wanita agar memandikan anak perempuan baginda Zainab (yang meninggal dunia), “Kamu mulakan daripada sebelah kanannya begitu juga anggota wuduknya (dari sebelah kanan ketika mewudukannya).” (Riwayat Bukhāri dan Musli.m)

Hadith di atas menunjukkan contoh sifat terbaik sifat beradab nabi s.a.w iaitu mendahulukan yang kanan dalam segala urusannya dan ditunjukkan kepada umatnya agar menjadi contoh ikutan kepada mereka.

#### **5.2.1.4.2 Tatacara kehidupan beradab**

Beliau juga telah menyenaraikan sebelas tatacara kehidupan berperadaban yang lengkap bersumberkan Hadith yang dianggap dalam Islam sebagai tatacara kehidupan insan yang beradab yang mesti dibangun dan dibiasakan oleh umat Islam.

Tatacara kehidupan beradab ini adalah merupakan tatacara kehidupan harian umat Islam sehari-hari. Pengamalan tatacara kehidupan beradab oleh insan akan memperindahkan lagi ciri-ciri kehidupan seorang Islam bahkan memberi manfaat kerohanian di dalam dirinya, seterusnya memberikan pahala yang besar di sisi Allah S.W.T di akhirat nanti.

Sebagai contoh, tatacara bermusafir yang dibicarakan oleh Al-Imām Al-Nawawi dalam ‘bab turun daripada kenderaan’. Dalam bab ini beliau membawakan hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imām Muslim ini,

عَنْ خَوْلَةَ بِنْتِ حَكِيمِ السُّلْمَيْهِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ قَالَ مَنْ نَزَلَ مَنْزِلاً ثُمَّ قَالَ أَعُوذُ  
بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ لَمْ يَصُرُّهُ شَيْءٌ حَتَّىٰ يَرْتَجِلَ مِنْ مَنْزِلِهِ ذَلِكَ.

Ertinya, “Daripada Khulah bt. Hakim Al-Sulaimah daripada Rasulullah s.a.w bersabda, “Sesiapa yang keluar dari rumahnya dan berdoa,

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

nescaya dia tidak akan mendapat kemudharatan sehingga dia kembali ke rumahnya semula.” (Al-Nawawi, 1983: 442)

Hadith di atas mengajar umat Islam tentang doa ketika bermusafir. Pembacaan doa ini ketika bermusafir akan memberikan manfaat keselamatan kepada pembacanya. Selain itu, sudah pasti memberikan pembacanya pahala kerana mengikut sunah Rasulullah s.a.w.

Begitu juga faedah boleh diperolehi bagi sesiapa yang mengamalkan tatacara duduk dalam majlis yang betul sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imām Bukhārī (Al-Nawawi, 1983: 394),

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ لَا يَعْتَسِلُ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَيَطْهَرُ مَا  
اسْتَطَاعَ مِنْ طُهْرٍ وَيَدْهُنُ مِنْ دُهْنٍ أَوْ يَمْسُ مِنْ طِيبٍ تَبَغُّ ثُمَّ يَخْرُجُ فَلَا يُفَرَّقُ بَيْنَ اثْنَيْنِ ثُمَّ  
يُصَلِّي مَا كُتِبَ لَهُ ثُمَّ يُنْصَتُ إِذَا تَكَلَّمَ الْإِمَامُ إِلَّا غُفرَ لَهُ مَا بَيْتَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ الْأُخْرَى

Ertinya, "Daripada Abdullah Salman Al-Farisi katanya, Nabi s.a.w bersabda, "Lelaki yang mandi pada hari Jumaat dan bersuci dengan semampunya, kemudian memakai bau-bauan atau wangi-wangian dari rumahnya kemudian keluar (ke masjid) dengan tidak memisahkan antara dua orang (yang telah duduk dengan melangkah bahunya) kemudian dia solat seperti yang disyariatkan (Tahiyyat al-Masjid) kemudian dia diam tatkala imam berkhutbah, nescaya diampunkan dosanya sehingga Jumaat yang lain."

Hadith di atas menunjukkan tatacara datang ke masjid dan duduk dalam solat Jumaat. Tatacara ini memperlihatkan kecantikan kelakuan adab sopan yang baik bagi umat Islam. Selain itu, tatacara ini juga menjanjikan keampunan dosa di sisi Allah S.W.T kepada pelakunya.

### **5.2.1.5 Pembangunan ibadat Khususiah**

Aspek kelima dalam pembangunan insan menurut paradigma Al-Imām Al-Nawawi' ialah pembangunan ibadat. *Ibādat* berasal daripada kalimah Bahasa Arab iaitu (عَبَادَةٌ - رَّغْبَةٌ - عِيَادَةٌ - بَهْدَةٌ - عَبْدٌ) yang bererti mengesakan, berbakti, tunduk, merendah diri dan mentaati (al-Bustani, 1956: 457). Ibadat juga diertikan sebagai ketaatan yang berserta dengan merendah diri (Ibnu Mansur, 1995: 272/3). Makna ibadat dari segi istilah pula, ialah sehabis-habis tunduk dan kemuncak perasaan terhadap keagungan yang disembah (Allah S.W.T) iaitu sebagai jalan perhubungan di antara makhluk dan pencipta (Fatha Yakan, 1983: 27). Ibadat juga bermaksud nama himpunan bacaan, perbuatan yang batin dan yang zahir yang menyukarkan Allah S.W.T dan membawa kepada keredhaaNya (Al-Zuhaili, 1989: 81/1). Islam menganggap kehidupan sebagai seorang Islam itu sendiri semuanya adalah ibadat dan ketaatan (Fatha Yakan, 1983: 27). Dengan ini, semua perkara seperti solat, zakat, puasa, haji, bercakap benar, menunaikan amanah, mentaati ibu bapa, menghubungkan silatul rahim, menunaikan janji, melaksanakan amal makruf dan mencegah yang mungkar, jihad terhadap orang kafir dan munafik, berbuat baik kepada jiran, kepada anak yatim, kepada orang miskin,

kepada ibnu sabil dan binatang, berdoa, berzikir, membaca Al-Quran serta yang seumpamanya adalah dikira ibadat. Tetapi ibadat yang dimaksudkan oleh Al-Imām Al-Nawawi dalam kitabnya ialah ibadat khususiah yang bermaksud ibadat yang khusus dilakukan untuk tujuan beribadat kepada Allah S.W.T (Al-Zuhaili, 1989: 82/1).

Pembangunan aspek ini sebagaimana yang dibahaskan oleh Al-Imām Al-Nawawi bukanlah menerangkan tentang cara melaksanakan ibadat-ibadat ini, tetapi menumpukan kepada melahirkan rasa kepentingan dalam diri insan untuk melaksanakan amal ibadat ini. Pembangunan ini bagi beliau bukan sahaja menumpukan kepada pembangunan ibadat yang wajib sahaja, malah menumpukan juga kepada ibadat-ibadat sunat. Bagi beliau ibadat wajib adalah sebagai kewajipan kepada setiap muslim yang beragama Islam sebagaimana yang tersebut dalam hadith (Al-Nawawi, 1983: 468),

عَنْ أَنِّيْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ بُنْيَ الْإِسْلَامِ عَلَىْ خَمْسٍ شَهَادَةً أَنْ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالصَّحْنَ وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Ertinya, "Daripada Ibnu Umar r.a. katanya Rasulullah s.a.w bersabda, Islam tertegak atas lima perkara, penyaksian bahawa tiada Tuhan yang selayaknya disembah melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, haji dan puasa pada bulan Ramadhan. (Riwayat Bukhārī dan Muslim)

Sedangkan ibadat sunat pula menjadikan seorang itu lebih dekat kepada Allah S.W.T Dengan melakukan ibadat-ibadat ini di samping ibadat-ibadat yang diwajibkan, menjadikan seorang hamba itu kekasih Allah S.W.T dan kesayanganNya. Apabila seseorang insan itu telah menjadi kekasihNya, barulah kehidupannya akan dipandu perlakunya dengan perlakuan yang dicintai Allah. Ini dijelaskan dalam hadith,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنَهُ بِالْحَرْبِ  
وَمَا تَقْرَبُ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَرَأُ إِلَّا عَبْدِي يَتَقْرَبُ إِلَيَّ

بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتَهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُنْصَرِّفُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَنْطِلُّ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَعْتَشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلْتَنِي لِأَعْطِيَنَّهُ وَلَمْ يَنْسَأْنِي لِأَعْيَدَنَّهُ.

Ertinya, “Daripada Abu Hurairah katanya, “Rasulullah s.a.w bersabda, “Sesungguhnya Allah S.W.T berfirman, “Sesiapa yang memusuhi waliKu, sesungguhnya Aku istiharkan perang ke atasnya, dan tidaklah hampir hambaKu kepadaKu dengan sesuatu yang dia menyukakan Daku dengan apa yang telah aku wajibkan ke atasnya, dan hambaKu sentiasa hampir kepadaKu dengan amalan-amalan sunat sehinggahal aku mengasihinya, apabila aku telah mengasihinya nescaya Aku jadi pendengarannya yang mana dia mendengar dan Aku menjadi penglihatannya yang mana ia melihat dan menjadi tangannya yang mana ia memegang, dan Aku menjadi kakinya yang mana dia berjalan, jika dia memohon hajat kepadaKu nescaya aku perkenankan dan jika dia memohon perlindungan kepadaKu nescaya aku akan melindunginya. (Riwayat Bukhārī)

Salah satu daripada galakan beribadat yang diutamakan oleh beliau ialah tentang peri pentingnya membaca Al-Quran. Beliau telah menjadikan Al-Quran sebagai ibadat yang mula-mula dibicarakan. Pemilihan ibadat ini sebagai ibadat yang utama dan sudah jelas kepentingannya, kerana Al-Quran adalah asas pegangan umat Islam.

Antara hadith yang dibawa oleh beliau tentang kepentingan Al-Quran ialah hadith yang diriwayatkan oleh Abi Umamah r.a. katanya, “Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda (Al-Nawawi, 1983: 445),

اَقْرَءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ

Ertinya, “Bacalah Al-Quran sesungguhnya ia akan datang pada hari Qiamat memberi syafaat kepada pembacanya.” (Riwayat Muslim)

Hadith di atas menjelaskan kedudukan ibadat Al-Quran yang boleh membantu pembacanya pada hari Qiamat di Mizan melalui pemberian syafaat yang mampu memberatkan timbangan. Oleh itu, setiap umat Islam digalakkan membaca Al-Quran secara istiqamah agar mendapat syafaatnya di padang Mahsyar.

Galakan membaca Al-Quran juga dibawa oleh Al-Imām Al-Nawawi dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibnu Mas'ud, katanya Rasulullah s.a.w telah bersabda (Al- Nawawi, 1983: 447),

مَنْ قَرَا حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بَعْضُهَا أَمْثَالُهَا  
لَا أَقُولُ لِمَ حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Ertinya, “Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah (Al-Quran) maka baginya satu kebaikan, dan satu kebaikan (diganjari) sepuluh kebaikan seumpamanya, aku tidak berkata bahawa alif, lam, mim sebagai satu huruf akan tetapi alif adalah satu huruf, lam adalah satu huruf dan mim juga adalah satu huruf.” (Riwayat Tarmidzi- Ḥadīth Ḥasan Ṣahīḥ)

Hadith ini pula menjelaskan bahawa keistimewaan Al-Quran dari segi pahala adalah begitu besar di sisi Allah S.W.T sehingga ganjaran yang diberikan kepada pembacanya adalah berdasarkan bilangan huruf yang dibaca. Sebagai contoh, alif, lam, mim dianjarkan kepada pembacanya dengan 30 ganjaran.

Hadith-hadith yang berbentuk tarhib juga dibawakan oleh Al-Imām Al-Nawawi agar menjadi peringatan umat Islam supaya jangan meninggalkan amal ibadat terutamanya ibadat-ibadat yang wajib seperti solat lima waktu, puasa dan seumpamanya. Sebagai contoh, ancaman terhadap umat Islam yang meninggalkan solat berjemaah ditegaskan dengan wasiat Abdulah ini,

“Sesiapa yang suka untuk bertemu Allah esok (hari Qiamat) sebagai seorang muslim, hendaklah dia memelihara solat-solat fardu dengan berjemaah ketika diazankan, kerana sesungguhnya Allah telah mensyariatkan kepada nabimu s.a.w jalan-jalan petunjuk dan sesungguhnya solat berjemaah inilah salah satu daripada jalan-jalan itu. Kalau la kamu bersolat di rumah kamu sebagaimana orang yang meninggalkannya dengan solat di rumahnya, pastilah kamu telah meninggalkan jalan nabi kamu. Dan kalau kamu meninggalkan jalan nabi kamu maka sesatlah kamu. Sedangkan seorang lelaki yang bersuci dengan baik kemudian pergi ke masjid, sudah tentu Allah memberikannya setiap langkah satu pahala, meningkat satu darjah dan mengampunkan satu dosa. Dan sesungguhnya aku telah melihat apa yang berlaku kepada kami (pada zaman Rasulullah s.a.w) tidak seorangpun yang tertinggal untuk solat berjemaah melainkan orang yang munafik yang diketahui

kemunafikannya. Dan sesungguhnya sehingga ada lelaki dibawa dengan dipapah oleh dua lelaki sehingga dia boleh bersama di dalam saf (solat berjemaah)." (Riwayat Muslim) (Al-Nawawi, 1983: 466)

Hadith di atas menegaskan tentang kedudukan solat berjemaah di dalam Islam adalah begitu penting untuk dilaksanakan supaya umat Islam mendapat pertunjuk Tuhan dalam kehidupan mereka. Kepentingan perlaksanaan solat ini telah ditunjukkan pada zaman Rasulullah s.a.w sehingga seorang lelaki yang uzur pun dipapah untuk solat berjemaah.

Ringkasnya, semua hadith targhib dalam pembangunan ibadat yang diutarakan oleh Al-Imām Al-Nawawi begitu berjaya memberi semangat dan galakan kepada umat Islam untuk meningkatkan ibadat-ibadat mereka. Sebaliknya, hadith-hadith tarhib pula merupakan ingatan dan amaran kepada mereka supaya merasa takut dan menjauhi sikap yang tidak disukai oleh agama dalam mempersesembahkan cara peribadatan mereka.

#### **5.2.1.6 Pembangunan Jihad**

Aspek pembangunan jihad merupakan salah satu daripada perbincangan yang dibicarakan oleh Al-Imām Al-Nawawi secara meluas. Perkataan *jihād* sama dengan *mujāhadah* kerana kedua-duanya berasal daripada perkataan (جَاهِدٌ - مُجَاهِدٌ - مُجَاهِدَةٌ) yang dari segi bahasa membawa maksud berperang di jalan Allah S.W.T (Al-Marbawi, 1354H, 112/1). Namun begitu, penggunaan mujahadah dan jihad diumumkan kepada makna mengembang dan menegakkan agama Allah S.W.T dalam bentuk peperangan atau sebaliknya. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Manzur (1995: 135/3), erti jihad ialah melampaui dan memberi laluan yang luas pada maksud peperangan mahupun jihad dalam bentuk lisan, tenaga atau kekuatan.

Contoh yang menunjukkan mujahadah dan jihad dalam bentuk peperangan sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-Taubah,

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَاجِدُ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَغْلَظُ عَلَيْهِمْ

Ertinya, “Wahai Nabi, berjihadlah menentang orang-orang kafir (melalui peperangan) dan orang-orang munafik, dan bertindak keras terhadap mereka.” (al-Taubah: 73 ; Abdullah Basmeih, 1999: 447)

Manakala mujahadah dan jihad yang bukan dalam bentuk peperangan seperti dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imām Muslim,

ثُمَّ إِنَّهَا تَخْلُفُ مِنْ بَعْدِهِمْ حُلُوفَ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ وَيَقْعُلُونَ مَا لَا يُؤْمِنُونَ فَهُنَّ...  
جَاهِدُهُمْ بِيَدِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَمَنْ جَاهِدَهُمْ بِلِسَانِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ وَمَنْ جَاهِدَهُمْ بِقُلُوبِهِ فَهُوَ  
مُؤْمِنٌ وَلَئِنْ وَرَأَءَ ذَلِكَ مِنَ الْإِيمَانِ حَجَّةٌ خَرَذَلٍ

Ertinya, “... Kemudian generasi berikutnya menyimpang daripada ajaran-ajaran dengan berkata sesuatu yang tidak mereka perbuat, dan melakukan perkara-perkara yang tidak disuruh. Maka pada ketika itu sesiapa yang menentang mereka (orang yang menyimpang itu) dengan tangan (kekuatan), dia adalah seorang mukmin, siapa yang menentang mereka dengan lidah, dia juga seorang mukmin dan siapa yang menentang mereka dengan hati (dengan menaruh kebencian), dia seorang mukmin dan tidaklah ada iman selepas itu walaupun sebesar biji benih.” (Mausū'ah al-Hadīth al-Shārif, (1991-1996)

Kesimpulannya, mujahadah dan jihad merujuk kepada dua keadaan, keadaan pertama bermaksud peperangan di jalan Allah S.W.T untuk menegakkan Islam seperti istilah asal dari segi bahasa. Keadaan kedua adalah perjuangan menegakkan Islam yang bukan dalam bentuk peperangan.

Kepentingan jihad dan mujahadah di dalam Islam sememangnya tidak boleh dipertikaikan lagi. Kerana dengan adanya jihad, agama boleh berkembang dan manusia kembali kepada Allah S.W.T sebagaimana firman Allah S.W.T

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَتَهْدِيَنَّهُمْ سُبُّلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Ertinya, “Dan orang-orang yang berjihad kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-

orang yang berusaha membaiki amalannya.” (al-Ankabut: 69 ; Abdullah Basmeih, 1999: 1052)

Justeru, Al-Imām Al-Nawawi membincangkan pembangunan ini dengan panjang lebar. Beliau telah membawakan beberapa potong ayat Al-Quran dan banyak hadith yang menunjukkan kepentingan jihad dalam Islam sehingga tidak ada amalan yang boleh menyamai dengan kedudukan jihad di jalan Allah S.W.T Salah satu petikan ayat Al-Quran yang menggambarkan kedudukan pahala yang begitu besar kepada mereka yang berjihad sebagaimana firman Allah S.W.T,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا هَلْ أَدْلُكُمْ عَلَىٰ تَحْمَارَةٍ نُحْيِكُمْ مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ  
وَتَجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ يَعْنِفُونَ  
لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَيَدْخِلُكُمْ جَنَّاتٍ تَعْرِيٰ مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتٍ عَذْنَ  
ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ، وَآخِرُى تُحِبُّوهَا تَصْرُّ مِنَ اللَّهِ وَفَتْحٌ قَرِيبٌ وَبَشَّرَ الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya, “Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan ugama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam Syurga “Adnan”. Itulah kemenangan yang besar. Dan ada lagi limpah kurnia yang kamu sukai, iaitu pertolongan dari Allah dan kemenangan yang cepat (masa berlakunya). Dan sampaikanlah berita yang mengembirakan itu kepada orang-orang yang beriman.” (al-Saf: 10-13 ; Abdullah Basmeih, 1999: 1504-1505)

Ayat di atas menggambarkan keistimewaan yang dianugerahkan kepada mereka yang berjihad di jalan Allah S.W.T dalam tiga bentuk keistimewaan. Keistimewaan pertama ialah keampunanNya terhadap segala dosa. Ini diikuti dengan janji untuk memasukkan mereka yang berjihad ke dalam syurga Adnan, iaitu syurga kedua tertinggi selepas Firdaus (Salam Abdul Rahman, 1983 :72). Keistimewaan lain pula diberi di

dunia dalam bentuk bantuan Allah S.W.T dan kemenangan yang cepat kepada orang Islam dalam usaha mengembangkan agama.

Janji Allah S.W.T dalam ayat di atas telah dibuktikan pada zaman awal Islam hasil daripada usaha jihad nabi s.a.w dan para sahabatnya. Mereka telah diberi kemenangan demi kemenangan dalam usaha mengembangkan agama Islam sehingga Islam berkembang ke seluruh Jazirah Arab pada masa wafatnya Rasulullah s.a.w. Setelah itu, Agama Islam juga berkembang ke dua pertiga daripada benua Asia pada zaman Umar r.a. (Ibnu Hisyam, 1995; Mohd Mokhtar Shafie, 1993).

Manakala, hadith-hadith yang dibawa oleh Al-Imām Al-Nawawi juga menggambarkan kedudukan berjihad mempunyai kedudukan pahala yang sangat besar di sisi Allah. Antara hadith yang dibawakannya adalah seperti sabda Rasulullah s.a.w (Al-Nawawi, 1983: 525),

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَبْلَ لِتَنْبَهَ إِلَى مَا يَعْدِلُ الْجَهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ لَا  
يُسْتَطِيعُونَهُ قَالَ فَأَعْدَادُهُمْ أَكْثَرُ مِنْ أُوْلَئِنَّى كُلُّ ذَلِكَ يَقُولُ لَا يُسْتَطِيعُونَهُ وَقَالَ فِي  
الثَّالِثَةِ مِثْلُ الْمُحَاجَدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَّلَ الصَّائِمُ الْفَائِتُ بِآيَاتِ اللَّهِ لَا يَفْتُرُ مِنْ  
صِيَامٍ وَلَا صَلَاةً حَتَّىٰ يَرْجِعَ الْمُحَاجِدُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Ertinya, “Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, “Ditanya kepada nabi s.a.w, “Apa amalan yang menyamai Jihad di jalan Allah S.W.T? Baginda bersabda, “Kamu tidak mampu melakukannya.” Abu Hurairah berkata para sahabat terus mengulangi soalan itu dua atau tiga kali dan setiap kali pertanyaan baginda bersabda, “Kamu tidak mampu melakukannya.” Dan pada soalan yang ketiga baginda bersabda, “Perumpaan orang bermujahadah di jalan Allah S.W.T (dengan yang tidak) seperti seorang (yang tidak pergi berjihad) berpuasa, bersolat dengan tekun dengan membaca Al-Quran, tidak meninggalkan puasa (walau satu hari) dan tidak meninggalkan solat sehinggalah kembali orang yang berjihad di jalan Allah S.W.T tadi.” (Riwayat Bukhārī dan Muslim)

Sabda Rasulullah s.a.w juga (Al-Nawawi, 1983: 524),

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ  
لَعْذُورًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ رَوْحَةً خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا

Ertinya, “Daripada Anas b. Malik r.a. daripada nabi s.a.w sabdanya, “Sungguhnya sepagi di jalan Allah S.W.T atau sepetang adalah lebih baik daripada dunia dan seisinya.” (Riwayat Bukhārī dan Muslim)

Hadith yang pertama dengan jelas menggambarkan tentang kedudukan jihad yang begitu tinggi pahalanya sehingga Rasulullah s.a.w membuat perbandingan pahala yang mustahil diperolehi melalui amalan-amalan yang lain. Sedangkan hadith kedua pula Rasulullah s.a.w membuat perbandingan yang menggambarkan tentang harga pahala dengan berjihad sepagi atau sepetang sahaja di jalan Allah S.W.T kedudukannya melebih harga dunia dan seisinya.

#### **5.2.1.7 Pembangunan ilmu**

Pembangunan yang ketujuh yang menjadi penekanan Al-Imām Al-Nawawi ialah pembangunan ilmu. Ilmu dari segi bahasa bermakna, “Terhasil hakikat ilmu” (Al-Bustani, 1956: 495). Manakala dari segi istilah, Syed Naquib Al-Attas menjelaskan sebagai, “Proses salingan yang asal sumbernya daripada Allah S.W.T yang didefinisikan sebagai kedatangan makna sesuatu benda atau objek ilmu ke dalam jiwa yang merupakan subjek. Dalam masa yang sama, subjek atau pencari ilmu itu menjadi agen yang aktif datang kepada makna atau benda atau objek pengetahuan tersebut (Wan Mohd, 1998: 104). Kesimpulannya, ilmu merupakan penyatuan antara makna dengan diri pencari ilmu yang saling bersalingan dan menghasilkan penghayatan di dalam diri pencari itu.

Al-Imām Al-Nawawi telah membicarakan banyak hadith targhib bagi orang yang menuntut ilmu. Akan tetapi apa yang lebih penting bagi beliau ialah mengamalkan ilmu dan menyampaikan ilmu kepada orang lain. Sebagai contoh hadith di bawah ini,

عَنْ أَبِي أُمَّامَةَ الْبَاهْلِيِّ - رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ - أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَضْلُ الْعَالَمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِنِي عَلَى  
أَدْنَاكُمْ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ حَتَّى النَّّمَلَةَ فِي  
حُجَّرِهَا وَحَتَّى الْحُوَوتَ لَيَصِلُونَ عَلَى مُعْلَمِ النَّاسِ الْخَيْرِ

Ertinya, "Daripada Abi Umamah Al-Bahili r.a. bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Kemuliaan orang yang berilmu ke atas orang abid seperti kemuliaanku antara yang terendah di antara kamu." Kemudian Rasulullah s.a.w bersabda, "Sesungguhnya Allah S.W.T dan malaikat-malaikat dan ahli langit dan bumi sehingga semut di dalam batu dan sehingga ikan (di laut) akan berselawat ke atas orang yang mengajar manusia dengan kebaikan." (Riwayat Tarmidzi- Hadith Hasan ; Al- Nawawi, 1983: 550)

Hadith di atas sudah cukup menggambarkan kedudukan orang berilmu, sehingga segala makhluk di langit, di bumi dan di dalam air mendoakan ke atas orang yang berilmu. Kedudukan orang yang berilmu yang baik adalah jelas kerana orang yang berilmu sudah tentu boleh memandu umat manusia ke jalan yang lurus. Ini merupakan sumbangan yang besar dan boleh menjadi saham untuk bekalan yang berterusan selepas mati. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ قُطِّعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ إِلَّا  
مِنْ صَدَقَةٍ حَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُتَفَقَّعُ بِهِ أَوْ لَدُنْ صَالِحٍ يَدْعُوهُ لَهُ

Ertinya, "Daripada Abu Hurairah Bahawa Rasulullah s.a.w katanya apabila mati seorang insan putuslah amalnya melain tiga perkara; sedekah jariah, atau ilmu yang dimanfaatkan (oleh orang lain) atau anak yang soleh yang mendoakan untuknya." (Al-Nawawi, 1983: 550)

Kedudukan orang yang berilmu tinggi pada pandangan Rasulullah s.a.w dan segala makhluk seperitimana yang diriwayatkan dalam hadith di atas adalah kerana sumbangan mereka dalam meneruskan warisan ilmu dari satu generasi kepada satu generasi.

### **5.2.1.8 Pembangunan batasan agama**

Aspek terakhir pembangunan insan menurut Al-Imām Al-Nawawi ialah aspek pembangunan batasan agama. Sebanyak 49.98% daripada 204 perkara yang disentuh oleh Al-Imām Al-Nawawi terangkum dalam pembangunan ini (lihat Carta 5 dan 6, hal. 86-87). Beliau telah mengkategorikan kepada peringkat-peringkat batasan agama dalam bentuk lima kategori iaitu pengharaman keras, pengharaman, larangan, kemakruhan dan kejian. Kategori ini dibezakan dengan lafaz yang berbeza.

Pada pandangan penulis, pengharaman keras yang disentuh oleh Al-Imām Al-Nawawi di dalam Kitāb Riyād Al-Šolihin adalah perkara-perkara dosa besar yang banyak dilakukan oleh insan yang kadangkala di luar sedar. Justeru, beliau memberikan penekanan terhadap dosa-dosa ini sebagai ingatan kepada mereka supaya menjauhinya.

Dalam menyentuh batasan agama yang berbentuk pengharaman, beliau tidak menyentuh kesemua pengharaman yang ada dalam Islam. Tetapi banyak menyentuh kepada batasan-batasan agama yang membawa seorang insan itu lebih terjauh daripada mendekati perkara-perkara yang benar-benar diharamkan dalam agama atau dengan istilah yang lainnya pencegahan daripada perkara yang haram dengan menjauhkan diri daripada perkara yang menjerumuskannya. Sebagai contoh pengharaman zina tidak disebutkan tetapi yang beliau tekankan ialah pengharaman khalwat yang biasanya menjadi penyebab yang mendorong kepada berlakunya zina.

Satu perkara lagi yang menjadi penekanan beliau dalam batasan agama ialah membuang segala perkara yang menjadi penghalang terhadap perhubungan di antara hamba dan Allah S.W.T untuk mencapai kesolehan yang sebenar di sisi Allah S.W.T Oleh itu, segala bentuk halangan tersebut termasuk perkara-perkara larangan, makruh dan kejian juga mestilah dijauhi agar hubungan hamba dengan Tuhanya tidak terputus.

Perbincangan beliau dalam aspek ini ialah hanya mengutarkan hadith-hadith yang membincangkan batasan agama yang berbentuk tarhib supaya datang rasa ketakutan di dalam jiwa orang yang soleh untuk menjauhinya. Contoh larangan yang biasa dilakukan oleh masyarakat Islam ialah menyebarkan cerita-cerita yang tidak baik walaupun benar. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas katanya, Rasulullah s.a.w lalu pada dua kubur dan bersabda,

إِنَّهُمَا لَيَعْذِبَانِ وَمَا يُعْذِبَانِ فِي كَبِيرٍ تَلَى إِنَّهُ كَبِيرٌ: أَمَا أَحَدُهُمَا فَكَانَ يَمْشِي بِالثَّسِيمَةِ وَأَمَا الْآخَرُ فَكَانَ لَا يَسْتَرِّ مِنْ بَوْلِهِ.

Ertinya, “Sesungguhnya kedua-dua (ahli kubur) di azab apa yang diazab tidak (disangkanya mereka tidak) besar (dosanya). Akan tetapi dosa itu adalah besar. Seorang suka menyebar berita buruk dan seorang lagi tidak menjaga kebersihan buang air kecilnya.” (Riwayat Bukhārī dan Muslim; Al-Nawawi, 1983: 604)

Hadith di atas dalam bentuk hadith cerita dan hadith tarhib yang diriwayatkan oleh Abdullah ini menjelaskan agar insan menjauhi kedua-dua amalan yang boleh menyebabkan dirinya diazab dalam kubur jika tidak menjaganya. Justeru, kedua-dua amalan itu mestilah dijauhi agar mendapat kesejahteraan di alam barzakh nanti.

Contoh yang lain pula ialah kejadian kepada orang yang suka bermuka-muka dengan penguasa negara yang biasa terjadi dalam pemerintahan Islam. Al-Imām Al-Nawawi membawakan hadith yang diriwayatkan oleh Bukhārī ini,

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ يَزِيدٍ أَنَّ نَاسًا قَاتُلُوا لِحَدِّهِ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ إِنَّا نَذْخُلُ عَلَى سَلَاطِينَنَا فَنَقُولُ لَهُمْ بِخِلَافٍ مَا تَكَلَّمُ إِذَا خَرَجْنَا مِنْ عِنْدِهِمْ، قَالَ: كُنْتَ تَعْدُ هَذَا بِنَفْقَةِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ

Ertinya, “Daripada Muhamad b. Yazid menyatakan bahawa beberapa orang berkata kepada datuknya Abdullah b. Umar, “Sungguhnya kami mengadap pemerintah dan berkata kepada mereka dengan apa yang tidak kami katakan apabila kami berada di (kalangan) rakyat.” Kata Ibnu Umar, “perbuatan ini dianggap sebagai sifat munafik pada masa hayat Rasulullah s.a.w.” (Al-Nawawi, 1983: 606)

Hadith ini menggambarkan orang-orang yang suka bermuka-muka dengan pemerintah dianggap orang yang munafik dan dikeji dalam Islam serta perlu dijauhi. Sebagaimana sabdaan Rasulullah s.a.w,

وَتَحِدُّونَ شَرَّ النَّاسِ ذَا الْوَجْهَيْنِ الَّذِي يَأْتِي هُوَ لَاءِ بَوْجِهٍ وَيَأْتِي هُوَ لَاءِ بَوْجِهٍ ...

Ertinya, "... dan kamu akan mendapati sejahat-jahat orang yang suka bermuka-muka (munafik) yang datang kepada golongan ini dengan satu wajah dan datang kepada golongan yang lain dengan wajah yang lain pula. (Riwayat Bukhārī dan Muslim ; Al-Nawawi, 1983: 605)

Ini kerana menurut Islam, sebagai seorang muslim yang soleh seseorang itu perlulah menyokong kebenaran dan menyangkal kebatilan sekalipun perkara yang batil itu datang dari kalangan pemerintah.

### 5.2.3 Kesimpulan

Pembangunan insan yang cuba dibangunkan oleh Al-Imām Al-Nawawi sememangnya satu pembangunan yang lengkap dari segi isi kandungannya. Dengan 102 perkara yang dibangunkan dan dihayati di samping 102 perkara batasan agama pula yang dijauhi, seorang insan pasti boleh mencapai kesolehan yang diinginkan di dunia seterusnya, mendapat kebahagian di alam Barzakh dan di alam Akhirat.

Pembangunan akhlak dengan Allah S.W.T adalah merupakan teras utama kepada keseluruhan pembangunan insan. Dengan terbangunnya pembangunan ini akan memudahkan usaha segala pembangunan yang lain. Sedangkan pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadat, pembangunan jihad dan pembangunan ilmu, menjadikan seorang insan itu dikasihi oleh pencipta dan makhluk yang lainnya. Bahkan segala pembangunan ini menjadikan kehidupan insan sentiasa tenang, harmoni, aman dan bahagia di alam dunia lebih-lebih lagi di alam akhirat dengan darjat yang tinggi di sisi Allah S.W.T

Pembangunan batasan agama pula menjadikan seseorang insan sentiasa terpelihara daripada segala kerosakan yang terdapat di alam dunia serta mengekalkan hubungannya dengan khalik dan makhluk dengan meninggalkan segala bentuk batasan agama sama ada yang berbentuk pengharaman sehingga kepada bentuk kemakruhan dan kejian. Selain itu, seseorang insan yang dapat memelihara batasan agama dapat memelihara diri daripada segala azab di alam barzakh dan akhirat seterusnya mendapat kebahagiaan di dalam syurga.

Daripada perbicangan ini juga memperlihatkan bahawa insan dalam memanifestasikan perlakuan mereka ditujukan kepada empat subjek yang utama iaitu kepada Allah S.W.T, masyarakat, diri sendiri dan juga agama dengan berpaksikan kepada pembangunan diri insan itu sendiri.